

# wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 183 ● 23 - 29 SEPTEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WKTV

Penguatkuasaan DBKL dilonggarkan 3 bulan

## Penjaga, peniaga kecil perlu segera ambil lesen



GAMBAR fail/Wilayahku

**D**EMI memastikan golongan penjaga dan peniaga kecil dalam 'bernafas' ketika ekonomi sedang pulih, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberikan kelonggaran penguatkuasaan selama tiga bulan untuk mereka yang berniaga tanpa lesen.

Berikut itu, penjaga dan peniaga kecil perlu segera memohon lesen perniagaan daripada DBKL sebelum 31 Disember ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata DBKL akan

menjalankan operasi pemutihan terhadap golongan itu selepas tarikh tersebut.

"Bermula 1 Oktober ini, tindakan penguatkuasaan akan dilonggarkan bagi memberi peluang kepada peniaga kecil dan penjaja di Kuala Lumpur untuk mendapatkan lesen perniagaan yang sah kepada pemohonan yang layak.


"DBKL tidak akan berkompromi kepada mana-mana peniaga yang tidak memiliki lesen yang sah selepas dari tarikh tersebut," katanya dalam sidang media selepas Majlis Penyerahan Surat Tawaran Lesen Sementara Penjaja Statik Jalan

Palong, Taman Miharja pada Selasa.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Parlimen Cheras, Datuk Patrick Sim Eng Peng dan Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Mahadi Abdul Shukor.

Tambahnya dalam tempoh tersebut, pihaknya akan memberi kelulusan kepada mereka yang layak termasuk peniaga kecil, penjaja dan pengusaha food truck.

Terdahulu, Jalaluddin menyampaikan lesen perniagaan statik kepada 18 peniaga yang berniaga di Jalan Palong, Taman Miharja, Cheras. **WK**



Indahkan rumah kedai usang di KL >> 6



Penglibatan belia mampu kukuhkan perpaduan Keluarga Malaysia - Shahidan

>> 19

# DBKL perkenal jawatan Renjer Taman, tingkat usaha pelihara landskap ibu kota

AZLAN ZAMBRY

**J**AWATAN Pegawai Pertanian dan Penolong Pegawai Pertanian di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini dikenali kepada Renjer Taman selepas proses penjenamaan semula bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengurusan landskap, pokok teduhan serta taman-taman awam di sekitar Kuala Lumpur.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata penjenamaan itu juga meningkatkan skop tugas di bawah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR) itu turut diperluas selain diberikan pakaian seragam khas untuk mereka.

"Unit ini bukan sahaja perlu mengelolabahagian penyelenggaraan pokok dan landskap tetapi mereka juga bertanggungjawab terhadap kawalan keselamatan, memberi penerangan berkenaan jenis tanaman kepada pelawat serta mengenal pasti keadaan kesihatan pokok."



MAHADI (tengah) bersama 55 orang Renjer Taman yang menerima watikah dalam satu majlis pada Isnin.

"Selain itu Renjer Taman perlu membantu memberi pendidikan dan maklumat berkaitan terutama kepada orang ramai yang melawat taman-taman awam di bawah DBKL," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Pelancaran Buku Wayside Trees The Natural Pillars and Roops of

The Perdana Botanical Garden and Penyerahan Watikah Pelantikan Renjer Taman di Taman Botani Perdana baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Ismail Parlan, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek, Datuk Sr Kamarulzaman Mohd Salih dan Pengarah JPLR,

LAr. Zulkifli Endut.

Beliau berkata skop kerja penyelenggaraan pokok teduhan telah dikembangkan dengan pemeriksaan dan rawatan pokok berisiko serta inventori pokok berusia sekitar ibu kota bagi menjamin keselamatan orang ramai.

"Setiap pokok yang berisiko ini akan diperiksa dengan teliti dan

sekiranya terdapat sebarang penyakit, mereka akan merujuk kepada pasukan arboris untuk tindakan lanjut," katanya.

Tambahnya, skop jawatan tersebut turut dipelbagaikan dengan pembiakan spesies pokok unik dan terancam untuk tujuan konservasi selain tanaman semusim bagi tanaman landskap di bandar raya termasuk di kawasan tumpuan pelancongan.

Dalam pada itu, Buku Wayside Trees The Natural Pillars and Roops of The Perdana Botanical Garden adalah hasil usaha sama dengan FRIM itu bertujuan untuk merekodkan pokok-pokok yang ada di Taman Botani Perdana yang kini mempunyai kira-kira 2,000 spesies dari pelbagai kategori.

"Dengan penghasilan buku ini, sesiapa yang berkunjung ke taman ini orang ramai boleh belajar mengenai pokok-pokok ini melalui buku ini sekali gus memupuk sikap untuk memulihara khazanah alam sekitar yang sangat bernilai untuk warga kota," katanya. **WK**

## DBKL teliti Bukit Bintang dijadikan kawasan bebas kenderaan

**SUSULAN** kejayaan penutupan Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) pada setiap Ahad bermula 28 Ogos lalu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang meneliti beberapa kawasan lain di ibu negara untuk dijadikan sebagai lokasi bebas kenderaan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata DBKL sedang mengkaji kawasan di sekitar Bukit Bintang yang dilihat berpotensi dijadikan kawasan bebas kenderaan.

"Selepas Jalan TAR, kita bercadang untuk melaksanakannya di sekitar kawasan Hotel Federal kerana ia adalah lokasi tumpuan pejalan kaki."

"Bagaimanapun, kita masih dalam sesi libat urus dengan pemegang taruh dan orang awam dan sekiranya berjaya, ia akan diumumkan nanti," katanya dalam sidang media pada Rabu.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata pihaknya menerima maklum balas positif daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk peniaga dan orang ramai mengenai program Jalan TAR Bebas Kenderaan yang dilaksanakan setiap Ahad.



JALALUDDIN (tengah) memasukkan plak sebagai simbolik merasmikan Kongres CityNet ke-9 di ibu negara pada Rabu.

"Oleh itu, kita merancang untuk membawa lebih banyak program dan aktiviti dengan content yang menarik untuk menjadikan tempat itu lebih meriah dan mampu menarik pengunjung."

"Ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan, jadi kita perlu mendapatkan maklum balas orang ramai bagi menyelesaikan sebarang masalah yang mungkin timbul selepas itu," katanya.

Dalam pada itu, Mahadi berkata kongres CityNet yang ke-9 diadakan selama tiga hari bermula Rabu hingga Jumaat disertai 25 Datuk Bandar dari 15 negara antaranya Bangladesh, Filipina, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Nepal, Pakistan dan Sri Lanka selain Putrajaya, Seberang Perai dan Subang Jaya. **WK**

kerjasama antarabangsa di antara bandar-bandar di Asia Pasifik yang menganggotai CityNet.

"Terdapat beberapa program berbentuk latihan yang dihoskan oleh Kuala Lumpur dan ia dikendalikan oleh Pusat Latihan Serantau CityNet Kuala Lumpur di Bandar Tun Razak," katanya.

Kongres yang bertemakan 'City for All: Activating Access for Urban Growth' itu turut disertai 25 Datuk Bandar dari 15 negara antaranya Bangladesh, Filipina, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Nepal, Pakistan dan Sri Lanka selain Putrajaya, Seberang Perai dan Subang Jaya. **WK**



SHAHIDAN (dua dari kiri) menyerahkan watikah pelantikan kepada Rithuan (dua dari kanan) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL) yang baharu.

## Shahidan umum Rithuan dilantik CEO baharu Perbadanan Labuan

**BEKAS** Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Rithuan Mohd Ismail telah dilantik sebagai Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan yang baharu untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 Oktober 2022 hingga 30 September 2024.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**, pelantikan beliau menggantikan Dr Fary Akmal Osman yang telah berkhidmat dari 10 Julai 2019 hingga 8 Oktober 2021 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan.

"Pelantikan Rithuan Mohd Ismail sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan yang baharu adalah selaras dengan subseksyen 10(1) Akta Perbadanan Labuan 2001 [Akta 609]," katanya kepada pemberita pada sidang media di Menara Perbadanan Labuan, pada Isnin lalu.

Hadir sama, Pengurus Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Ibrahim Tambi.

Rithuan, 54, merupakan anak kelahiran

Labuan yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Ekonomi dan Perakaunan).

Shahidan berkata dengan tempoh serta pengalamannya di Perbadanan Labuan selama 28 tahun mampu menerajui perbadanan itu.

"Saya percaya dengan pengalaman luas yang dimiliki beliau, beliau mampu memperkuatkan lagi tadbir urus serta fungsi Pihak Berkusa Tempatan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Labuan agar terus memberi faedah kepada rakyat dan kerajaan."

"Saya bagi pihak kerajaan dan seluruh Keluarga Malaysia merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan ini dan selamat menjalankan tugas kepada Rithuan Mohd Ismail," katanya lagi.

Shahidan turut merakamkan penghargaan dan sumbangan serta khidmat bakti Dr Fary Akmal Osman sepanjang tempoh beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan. **WK**

# KARNIVAL PUTRAJAYA 2022

23 - 25 September 2022  
8 Pagi - 10 Malam  
Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya

RM5  
seekor



3000  
EKOR AYAM  
UNTUK  
DIHABISKAN!

## JUALAN MURAH Keluarga Malaysia

24 & 25 September 2022

Dapatkan di Truck MyGrocer@Wilayah  
di Tapak Karnival Putrajaya  
bermula jam 10.30 pagi



DISKAUN sebanyak  
RM 0.20 / PEK (1 KG)



DISKAUN sebanyak  
RM 0.15 / PEK (1 KG)



DISKAUN sebanyak  
RM 1.50 / KAMPIT  
(Bukan Premium)



DISKAUN sebanyak  
RM 0.50 / TIN (425 GRAM)  
(Bukan Premium)



DISKAUN sebanyak  
RM 0.20 / KOTAK (200 ML)



DISKAUN sebanyak  
RM 0.70 / TIN



Jualan Barang  
Terpilih Pada  
Harga Subsidi.

Demi keselamatan penduduk Putrajaya

# KWP bina pagar, tambah lampu dan CCTV



PETUGAS Perbadanan Putrajaya (PPj) memasang lampu di kawasan gelap sekitar kejiranan Putrajaya bagi membendung kejadian jenayah pecah rumah dan rompakan yang berlaku baru-baru ini.

**K**EMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) akan memasang pagar serta menambah kamera litar tertutup (CCTV) dalam kawasan kejiran di Putrajaya bagi membendung kejadian curi dan pecah masuk di kawasan itu.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata pemasangan pagar tersebut akan dilakukan dalam tahun ini berikutan kekerapan kejadian tersebut berlaku.

Jelasnya, meskipun ia akan dilaksanakan pada tahun ini, namun pihaknya perlu melalui beberapa prosedur sebelum ianya dapat dilaksanakan.

"Ia bukan macam bencana

yang apabila perbelanjaan boleh dilakukan serta-merta. Sebaliknya ia melibatkan kos yang agak tinggi serta perlu melalui proses perolehan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan," katanya ketika ditemui pemberita selepas Program Keluarga Malaysia Cuci Kuala Lumpur sempena World Cleaning Day di Bandar Baru Seri Petaling baru-baru ini.

Sementara itu, Shahidan menyeru masyarakat setempat mengaktifkan semula Rukun Tetangga (RT) dan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) di kawasan perumahan dalam memastikan kebajikan dan keselamatan penduduk.

"Semua masyarakat harus terlibat; hidupkan RT dan RELA

(di kawasan perumahan). Kita mahu masyarakat ini lebih aktif membantu menangani kejadian tidak diingini seperti kes kecurian di Putrajaya yang berlaku hampir setiap hari," katanya.

Terdahulu, polis giat memburu tiga lelaki warga Indonesia dipercaya terlibat kes pecah rumah dan saman bersenjata yang mengakibatkan kerugian RM41,000 di sebuah rumah di Presint 11 pada Rabu.

Dalam kejadian kira-kira pukul 3.30 pagi itu sepasang suami isteri diikat setelah lampu bilik tidur dinyalakan penjenayah terbabit.

Usaha mengesan tiga suspek terbabit masih dijalankan termasuk melaksanakan Ops Tutup. **WK**

## Flood wall dalam proses reka bentuk

**PEMBINAAN tembok penahan banjir (flood wall)** bagi menghalang limpahan air sungai sekitar Kuala Lumpur masih berada dalam peringkat reka bentuk kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**.

Menurut beliau, proses tersebut mengambil masa kerana ia memerlukan satu reka bentuk yang baik sebelum ia dibina.

"Flood wall itu perlu direka bentuk dengan betul dan teliti supaya ia dapat berfungsi dengan baik bagi menghalang limpahan arus deras ketika hujan lebat.

"Kita juga sudah melantik kon-

traktor yang berwibawa untuk membinanya. Sedikit masa lagi permulaan pembinaan akan dibuat," katanya pada Ahad.

Jelas Mahadi, pihaknya telah menukar beg pasir yang berfungsi untuk menghalang limpahan air yang rosak di beberapa lokasi sebagai persediaan menghadapi musim banjir akan datang.

"Penggunaan beg pasir ini merupakan satu langkah sementara dan saya diberitahu beg yang pecah akan ditukar.

"Ianya tidak banyak kerana hanya melibatkan lapisan atas terutama yang

berada dalam kawasan *weathering process* (hujan panas)," katanya.

Pada masa sama, Mahadi berkata pihaknya dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta agensi terlibat dengan pengurusan mitigasi banjir akan mengadakan perbincangan lanjut sebagai persediaan menghadapi musim hujan.

"Kita akan bermesyuarat minggu ini bagi membincangkan lebih terperinci langkah-langkah lain yang sesuai untuk diambil berdasarkan data-data terkini daripada JPS sebagai usaha menangani jumlah taburan hujan yang tinggi pada akhir tahun," katanya. **WK**



MAHADI menjalankan pemeriksaan terhadap kualiti tembok yang diperbuat daripada beg pasir sebagai persiapan menghadapi Monsun Timur Laut yang diramal berlaku pada November ini.

## 660 pembeli rumah PPAM OUG rayu kerajaan campur tangan

660 pembeli rumah Residensi Platinum OUG di Bukit Jalil menggesa kerajaan campur tangan ekoran sikap culas pemaju yang dilihat tidak bersungguh-sungguh menangani masalah kerosakan yang berlaku.

Menurut penduduk, **Muhammad Ubaidillah Baharom** banyak kecacatan yang ketara antaranya cat yang tidak sekata, jubin yang berlainan warna, keretakan pada dinding yang menyebabkan kebocoran sehingga air masuk ke dalam rumah apabila hujan selain turut menerima laporan mengenai sistem pendawaian yang bermasalah.

"Kebanyakan penduduk yang merupakan penjawat awam masih menunggu untuk berpindah masuk ke rumah mereka, namun banyak 'defect' yang tidak diuruskan dengan baik sehingga menanggung kesusahan."

"Malah pemaju dilihat sambil lewa kerana aduan kerosakan ini tidak dibuat dengan bersungguh-sungguh sehingga pemilik terpaksa menunggu giliran yang lama disebabkan unit yang



UBAIDILLAH

selesai dibaiki hanya di bawah 100 unit berbanding hampir 500 unit yang malaporkan *defect*," katanya kepada *Wilayahku* Ahad lalu.

Menjelas lanjut, Muhammad Ubaidillah berkata pihaknya melihat berlaku diskriminasi terhadap pemilik Blok A memandangkan mereka merupakan penjawat awam berbanding pemaju dilihat mementingkan penduduk di Blok B.

"Sebenarnya Blok A ini merupakan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) manakala di Blok B merupakan unit bebas dan ia berkemungkinan pemaju lebih melayan aduan penduduk di situ sahaja.

"Sebaliknya kami yang telah mendapat kunci rumah pada bulan Jun lalu telah membuat aduan mengenai kecacatan kepada pemaju namun ia telah melebihi 60 hari dari tempoh yang sepatutnya dan masih belum diselesaikan," katanya.

Sementara itu, bagi Mohd Rezal Desa, sikap pemaju yang melebihkan penduduk Blok B dilihat menyusahkan penduduk Blok A namun kawasan itu tidak sesuai



PEMILIK rumah Platinum OUG atau dikenali Projek Perumahan Awam Malaysia (PPAM) menggesa campur tangan kerajaan bagi menyelesaikan isu ekoran sikap pemaju yang culas menyelesaikan aduan mereka sejak memperolehi kunci pada Jun lalu.

mereka sering mendapat perhatian daripada pemaju termasuklah cuba memasang pagar selain turut bercadang membuat pondok pengawal berbeza untuk dua blok tersebut.

"Dalam perjanjian jual beli yang mengandungi peta pelan asal tidak dinyatakan bahawa dua blok itu akan dipisahkan. Malah pemaju telah pun cuba membina sebuah pondok pengawal di kawasan Blok A namun kawasan itu tidak sesuai

dan boleh mengundang masalah lain kerana jalan keluar masuk yang dicadangkan agak kecil.

"Mereka juga telah memasang pagar untuk menghalang kami menggunakan taman permainan di belakang kerana ia adalah zon hijau, namun disebabkan pagar tersebut kami tidak dapat akses ke sana," katanya.

Menurutnya, banyak kemudahan di perumahan ini tidak dibina

dengan betul termasuklah keluasan surau yang kecil dan kawasan parkir motosikal yang terhad.

"Surau ini seperti di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) lebuh raya sahaja dan hanya boleh memuatkan kira-kira 10 hingga 15 jemaah dalam satu-satu masa.

"Selain itu parkir untuk motosikal juga agak terhad dan ini menyebabkan kesulitan kepada penduduk. Malah kawasan parkir pelawat turut diubah suai menjadi bilik-bilik kecil dan stor serta menjadi penempatan untuk pekerja kontraktor," katanya.

Justeru itu, katanya beliau menggesa campur tangan kerajaan supaya pemaju dapat menyelesaikan masalah dihadapi pembeli secepat mungkin.

"Kebanyakan penduduk berhadapan masalah ekoran telah keluar dari kuarters dan rumah sewa masing-masing, namun rumah mereka masih belum layak diduduki malah ada yang terpaksa menyewa di luar sehingga terbebani dengan kos."

"Kami mohon supaya perkara ini diselesaikan dan pihak kerajaan perlu campur tangan serta nasihatkan pemaju untuk selesaikan masalah ini segera," katanya. **WK**

# Aplikasi KLSPEF mudahkan sewaan dewan, kompleks sukan

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membangunkan Aplikasi Kuala Lumpur Sports, Event and Facilities (KLSPEF) yang memberikan kemudahan untuk penyewaan dewan dan fasiliti miliknya secara dalam talian.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata aplikasi ini bagi memastikan kemudahan yang disediakan ini mudah untuk diakses dan digunakan oleh warga kota.

"Sekiranya sebelum ini tempahan bagi kemudahan dewan serbaguna dan kompleks sukan di Kuala Lumpur dilaksanakan menggunakan halaman web atau secara manual, kini, warga kota hanya perlu membuat tempah dewan dihujung jari menggunakan Aplikasi KLSPEF ini."

"Dengan menggunakan aplikasi ini, warga kota dapat membuat semua urusan tempahan dan pembayaran secara atas talian dalam masa yang amat singkat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pelancaran Aplikasi KLSPEF di Dataran DBKL baru-baru ini.



MAHADI (tiga dari kiri) meletakkan tapak tangan untuk diimbas sebagai simbolik kepada pelancaran Aplikasi Kuala Lumpur Sport, Event & Facilities (KLSPEF) di Dataran DBKL pada Ahad.

Menurut Mahadi, terdapat sejumlah 63 buah dewan serbaguna dan kompleks sukan yang terletak di 11 kawasan Parlimen sekitar bandar raya Kuala Lumpur yang sering digunakan warga kota untuk pelbagai tujuan.

"Selain penggunaan bagi majlis

rasmi dan majlis perkahwinan, dewan serbaguna dan kompleks sukan ini juga menyediakan kemudahan bersukan seperti gelanggang badminton, tenis, pingpong, futsal, bola sepak, dan sepak takraw, bola tampar," katanya.

Tambahnya, aplikasi mudah

alih ini dibangunkan dalam dua versi iaitu Android dan iOS, kini telah boleh dimuat turun dari Playstore dan AppStore telefon masing-masing.

Mahadi berkata pelaksanaan pendigitalan perkhdmatan secara E2E (*End-to-End*) seperti aplikasi KLSPEF adalah selari dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan perkhdmatan dalam talian.

"Usaha ini adalah seperti yang telah digariskan dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (2021 - 2025) dan ia selaras Pelan Bandar Pintar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2025."

"Inisiatif ini juga bagi mendukung Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau United Nations," katanya.

Tambahnya, dengan lebih banyak aplikasi mudah alih yang diperkenalkan, ia dapat mempercepatkan perkhdmatan DBKL kepada warga kota sekali gus menggembirakan penduduk Kuala Lumpur yang kini telah mencapai 2 juta orang. **WK**

## 40 syarikat elektronik tawar lebih 1000 pekerjaan

**TALENT** Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) bakal mengadakan pameran kerjaya maya berfokus kepada sektor elektrik dan elektronik (E&E) bermula 28 September 2022 hingga 30 September 2022.

Pameran Kerjaya Maya VCF E&E yang akan berlangsung selama tiga hari tersebut akan menampilkan keterlibatan lebih daripada 40 buah syarikat dari sektor E&E dan bakal menawarkan lebih 1,000 peluang kerja di Malaysia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif

Kumpulan TalentCorp, **Thomas Mathew**, TalentCorp menerusi mandatnya berperanan untuk menghubungkan dan meningkatkan kolaborasi strategik antara kerajaan, industri dan bakat untuk memastikan ekosistem bakat negara dipacu dan diperkasakan menerusi intervensi strategik dan berimpak tinggi bagi menyokong keperluan bakat dan mencapai aspirasi negara.

"Pelaksanaan VCF E&E ini adalah berdasarkan keperluan guna tenaga semasa sektor ini yang turut ber-

tindak sebagai penyumbang utama ekonomi negara. Usaha ini merupakan terjemahan kepada kerjasama strategik TalentCorp, dan industri untuk mengetengahkan peluang kerjaya tersedia di samping membantu bakat untuk merangka perancangan kerjaya dan keterlibatan mereka dalam sektor ini," katanya.

Selain meneroka peluang kerjaya, peserta turut berpeluang untuk berinteraksi bersama majikan melalui sembang langsung secara maya, mendapatkan informasi

terkini industri E&E serta menghadiri webinar untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Syarikat yang mengambil bahagian dalam pameran kerjaya maya E&E ini termasuklah Intel Malaysia, Keysight Technologies, Plexus Manufacturing, Silterra Malaysia, Vitrox Corporation, Schneider Electric, Flextronics Technology, TF AMD Microelectronics dan Hoya Electronics Malaysia.

VCF E&E dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Sumber Manusia,

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@ayasanwp.org.my

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer@gmail.com  
Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com  
Hazirah Halim  
hazirahwilayahku@gmail.com  
Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
aminwkt@gmail.com  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
syuqqreewilayahku@gmail.com

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@ayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm8686@gmail.com

#### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
roslee@ayasanwp.org.my

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknologi Melaka, Universiti Malaysia Perlis dan Jurutera Muda Malaysia.

Untuk pendaftaran dan penyertaan, layari [www.talentcorp.my/virtualcareerefair](http://www.talentcorp.my/virtualcareerefair). **WK**

## CERITA KEDAI KOPI

### Maut akibat motosikal laju

**SUDAH terlalu kerap berlaku kemalangan maut melibatkan kumpulan remaja bermotosikal. Kebanyakan kemalangan berlaku akibat menaiki motor secara berkumpulan dengan laju, malah ada yang terlibat dengan perlumbaan haram.**

Antara terbaru, dua remaja maut dan lima cedera apabila sekumpulan remaja berlanggar sesama sendiri setelah dipercaya berlumba di Lebuh Raya Utara Selatan dekat Sungai Petani akhir minggu lalu. Ini hanya satu daripada banyak kejadian sama yang dilaporkan sebelum ini.

Kawan-kawan Kedai Kopi sedih dengan apa yang berlaku dan simpati kepada keluarga mangsa terlibat. Namun pada masa sama, kawan-kawan Kedai Kopi kecewa kejadian meragut nyawa seperti ini terus berulang. Seolah-olahnya apa yang berlaku sebelum ini tidak menjadi pengajaran.

Ramai antara yang terlibat ini adalah di kalangan remaja bawah umur, ada yang berusia 15 tahun, yang tentunya tidak memiliki lesen memandu yang sah. Insiden pula kerap berlaku pada awal pagi ketika mereka sepatutnya berada

di rumah dan tidur.

Kawan-kawan Kedai Kopi tidak pasti sama ada ibu bapa remaja terlibat menyedari perbuatan anak mereka, atau membenarkan anak menggunakan motosikal walau pun tanpa lesen. Atau mungkin mereka sendiri tidak sedar anak-anak keluar melepak kerana mereka sendir sedang tidur.

Ibu bapa harus sedar membiarkan anak-anak bawah umur menunggang motosikal tanpa lesen adalah salah di sisi undang-undang dan tindakan tegas boleh diambil terhadap ibu bapa berkeraan.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi sedar kadangkala sukar untuk ibu bapa mengawal atau mengawasi anak sepanjang masa. Jika lepa, anak-anak ini 'membawa lari' motosikal bapa untuk berjumpa kawan-kawan.

Oleh itu nasihat kawan-kawan Kedai Kopi kepada remaja, buatlah apa yang sepatutnya dilakukan oleh pelajar. Melepak di awal pagi dan melibatkan diri dengan aktiviti bermotosikal laju sehingga mengundang padah itu bukan tugas seorang pelajar.

Patuhilah nasihat kawan-kawan Kedai Kopi sesuai tanpa izin dan restu mereka. Ini kerana jika berlaku perkara tidak diingini, ibu bapa yang terkesan sehingga mendatangkan kesedihan berpanjangan.

Daripada aspek keselamatan, lebuh raya SUKE ini 100 peratus berlampu, dilengkapi dengan 3,377 lampu jalan LED. Menurut jangkaan 80,000

### SUKE lancarkan perjalanan

**SEMPENA** sambutan ulang tahun penubuhan Malaysia ke-59 pada 16 September lalu, lebuh raya baharu di Kuala Lumpur, Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi Ulu Kelang (SUKE) fasa pertama, dibuka kepada orang ramai.

Kawan-kawan Kedai Kopi turut gembira dengan pembukaan lebuh raya ini yang merupakan satu lagi usaha mengatasi kesesakan lalu lintas di ibu negara. Dijangka ia mampu mengurangkan kesesakan trafik di sepanjang Jalan Lingkar Tengah (MRR2) kira-kira 30 peratus, Jalan Ampang 36 peratus dan Jalan Loke Yew 12 peratus.

Ketiga-tiga laluan ini adalah antara yang paling sesak dengan lalu lintas, terutama pada waktu puncak. Oleh itu dengan pembukaan SUKE diharap masalah ini dapat diminimakan dan pergerakan lalu lintas lebih lancar.

Fasa pertama SUKE merentasi jarak sepanjang 16.6 kilometer bermula dari persimpangan Cheras Kajang ke Persimpangan Bukit Antarabangsa Hulu Kelang. Ia membabitkan dua tol, Bukit Teratai dan Ampang, serta 11 persimpangan. Bagaimanapun untuk tempuh sebulan selepas pembukaan tiada bayaran tol dikenakan.

Daripada aspek keselamatan, lebuh raya SUKE ini 100 peratus berlampu, dilengkapi dengan 3,377 lampu jalan LED. Menurut jangkaan 80,000

pengguna akan menggunakan laluan ini sebagai alternatif kepada laluan MRR2.

Kawan-kawan Kedai Kopi yang mencuba melalui lebuh raya ini mendapat ia memang selesa, selamat dan melancarkan perjalanan, dengan pemandangan sekeliling yang menarik.

Kerana keindahan ini, ada pemandu yang berhenti untuk meninjau atau mengambil gambar sehingga menyebabkan kemalangan. Pihak pemaju, Projek Lintasan Kota Sdn Bhd (Prolintas) mengingatkan orang ramai jangan berhenti di lebuh raya berkenaan kerana boleh membahayakan diri sendiri dan orang ramai.

SUKE mempunyai struktur jejambat lebih raya tertinggi pada ketinggian 56.4 meter merentasi MRT Laluan Sungai Besi-Kajang dan Lebuh Raya Cheras-Kajang. Kerana itu ia dianggap istimewa dan lain daripada yang lain.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, pembinaan fasa seterusnya SUKE sedang berjalan lancar. Laluan dari Bandar Tasik Selatan ke Taman Leng Seng dan Alam Damai di Cheras dijangka siap sepenuhnya pada suku pertama 2023.

Orang ramai yang belum mencuba melalui raya SUKE ini bolehlah berbuat demikian dan rasai sendiri keseronokan memandu di sepanjang lebuh raya berkenaan. Tunggu apa lagi, sekarang tol masih percuma sehingga pertengahan bulan hadapan.

KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYAKEMENTERIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN

#MYSENIBUDAYA

# FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA @KUALA LUMPUR

23-25 SEPTEMBER 2022  
DATARAN MERDEKA, KUALA LUMPUR

SEMUA DIJEMPUT HADIR!

PERSATUAN  
SENIBUDAYA  
PUTRA

Wilayah Ku

SALURAN MEDIA  
SOSIAL JKKN  
[f](#) [i](#) [t](#) [y](#) [o](#)#festivalpermainanmalaysia2022  
#fpm@kl2022FAMILIAR  
MAKHLUKA  
MALAYSIA

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

+603 2072 6431

# Indahkan rumah kedai usang di KL



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**A**PABILA berada di sesuatu tempat, tidak kira sama ada dalam atau luar negara, pertanyaan pertama saya kepada warga setempat adalah mengenai pekan lama. Akan tetapi tidak semua tempat mengekalkan pekan lama. Di sesetengah tempat pekan lama diroboh untuk didirikan pekan atau bandar baharu.

Tidak kurang juga yang menganggap pekan lama dengan bangunan kayu, walaupun masih tegap sebagai 'mencacatkan' pemandangan. Nilai zaman yang ada pada bangunan seperti rumah kedai yang buruk itu gagal dihayati.

Padahal binaan itu adalah latar belakang pada suatu zaman yang lampau. Keadaan zaman lampau terpancar sekali gus memberikan gambaran kepada kita akan kehidupan sosial dan budaya ketika itu. Maka sebaiknya dipulihara supaya tidak kelihatan terbiar walaupun masih digunakan sebagai premis perniagaan.

Saya faham bahawa tidak semua bangunan buruk itu mempunyai nilai warisan seperti yang digariskan oleh Jabatan Warisan Negara. Walaupun begitu nilai zaman lampau daripada berdirinya bangunan itu tetap ada. Setiap binaan membawa nilai zamannya.

Melestarikan bangunan rumah kedai lama terutama yang masih digunakan bukan sahaja memancarkan nilai sentimental, akan tetapi menjadi penghubung antara zaman lampau dan masa kini. Tiang, reka bentuk pintu dan susun letak dalaman misalnya menggambarkan zaman yang lepas.

Kegemaran saya di Kuala Lumpur adalah menyusuri hampir semua jalan dan lorong yang bangunan rumah kedai lamanya masih bersisa. Ada yang diperbuat daripada batu, tidak kurang hanya menggunakan kayu. Walaupun begitu banyak yang masih kukuh dan digunakan sebagai premis perniagaan.

Menyusuri dan berada di hadapan rumah kedai lama di Kuala Lumpur suatu yang mengasyikkan. Sebab itu saya tidak pernah jemu untuk mengunjungi tempat-tempat seperti ini berulang kali. Masa yang sama saya berupaya membayangkan wajah Kuala Lumpur suatu waktu dahulu.

Seperti yang dikatakan di atas tadi, bangunan itu bukanlah



RUMAH kedai lama di Jalan Lebuh Pasar, Kuala Lumpur mempunyai nilai zamannya dan perlu dipelihara supaya tidak kelihatan usang.



bertaraf warisan seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Stesen Kereta Api Lama Kuala Lumpur atau Hotel Majestic. Bangunan-bangunan itu memang dipulihara oleh pihak berkuasa tempatan.

Akan tetapi rumah kedai yang menjadi bangunan utama di Kuala Lumpur suatu waktu dahulu tidak mempunyai nilai warisan.

Walaupun begitu keberadaan bangunan rumah kedai lama di Kuala Lumpur itu perlu juga dipulihara dan diperindah. Misalnya mengecat semula supaya tidak kelihatan terbiar.

Misalnya di sepanjang Jalan Tun H S Lee (dulunya Jalan Bandar), Jalan Petaling, Jalan Sultan di depan panggung Rex, di Jalan Hang Kasturi (sekarang menjadi Kasturi Walk) di tepi Central Market dan banyak kawasan sekitar Pudu. Bagaimanapun agak malang sesetengah bangunan lama ini tidak dipulihara dengan baik.

Berada di Kasturi Walk sebaris dengan Restoran Yusoff Dan Zakhir memberikan bayangan suasana Kuala Lumpur seabad yang lalu. Keadaan fizikalnya kekal seperti asal, tetapi tidak diperindahkan untuk dijadikan tarikan kepada orang yang lalu lalang.

Saya selalu membayangkan betapa indahnya jalan atau lorong yang di kiri dan kanan ada bangunan lama di Kuala Lumpur sekiranya dijaga seperti Cecil Court di London.

Mungkin ada yang menganggap saya terlalu ideal untuk menjadikan sesetengah tempat di pusat bandar Kuala Lumpur

seperti Cecil Court di London.

Bagaimanapun sebenarnya ada kewajaran dan tidak menelan belanja yang terlalu besar. Kalau mungkin tidak sehebat Cecil Court sekalipun, menjadi seperti Kampung Cina di Kuala Terengganu pun sudah memadai.

Cecil Court merupakan lorong menghubungkan Charing Cross Road dan St. Martin's Lane, satu-satunya laluan pejalan kaki yang paling dekat untuk ke Leicester Square.

Di kiri dan kanan lorong pejalan kaki ini penuh dengan bangunan yang didirikan pada abad ke-19. Baru-baru ini saya berkesempatan menyusuri jalan dan lorong sekitar bandar Taiping dan Ipoh di Perak. Banyak

bangunan rumah kedai di Taiping terjaga dengan baik. Dicat dan kelihatan tidak terabai ditelan zaman.

Bagi saya Taiping menjadi hidup kerana keunikan bangunan rumah kedai di kiri dan kanan dipelihara dengan baik.

Sementara di Ipoh pula saya berkesempatan melawat satu kawasan tumpuan pelancong, Concubine Lane. Rumah kedai di Concubine Lane yang setinggi dua tingkat diperbuat daripada kayu bersambung antara satu dengan lain. Reka bentuk bahagian depannya dikenalkan dan digunakan sebagai kedai makan, cenderamata dan pakaian.

Menurut catatan sejarah, lebih 100 tahun dahulu bangunan rumah kedai itu dijadikan tempat kediaman gundik-gundik taikun bijih timah di Ipoh. Concubine

Lane adalah sebahagian pekan lama Ipoh era kegemilangan bijih timah pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Di sekitar kawasan Concubine Lane ini terdapat banyak lagi rumah kedai lama yang dipulihara dan digunakan sebagai premis perniagaan. Ini satu usaha yang menarik sekalipun kalau mengikut perhitungan material bangunan itu boleh sahaja diroboh dan didirikan bangunan baharu.

Kalau ke Kuala Terengganu saya selalu berlama-lama di sebuah kafe kecil di celah lorong di Kampung Cina. Bangunan rumah kedai yang diperbuat daripada kayu ini juga berusia lebih 100 tahun dan deretannya dipisahkan oleh lorong yang boleh dilalui oleh kereta.

Bangunan kayu seni bina lama ini dicat dan lorong ini diterangi dengan lampu berwarna-warni pada waktu malam. Difahamkan kerajaan negeri Terengganu memberi insentif kepada pemilik bangunan rumah kedai itu untuk mencantikkan dengan mengekalkan keaslian seni binanya.

Merentas lorong ini seperti berada pada zaman lampau, masih ada kedai runcit yang dijaga oleh wanita Cina berpakaian tradisional dan bertutur loghat Terengganu. Usaha melestarikan Kampung Cina di Kuala Terengganu suatu yang perlu dicontohi oleh pihak berkuasa tempat-tempat lain.

Saya antara yang terlalu ingin melihat bangunan rumah kedai lama di Kuala Lumpur dipulihara untuk mencantikkan dan mengekalkan keasliannya. Pihak berkuasa di Kuala Lumpur boleh memberi

insentif untuk mendorong pemilik bangunan mengindahkan premis perniagaan masing-masing.

Mungkin terlalu jauh untuk menjadikan lorong yang kiri kanannya bangunan lama itu seperti Cecil Court di London. Tetapi tidaklah terlalu membebankan kalau pihak berkuasa Kuala Lumpur mengindahkan lorong berkenaan seperti yang dilakukan di Kampung Cina di Kuala Terengganu atau Concubine Lane di Ipoh.



## AMPUNKAN SEGALA DOSAKU

Tuhanku  
Ampunkan segala  
Dosaku  
Kerana aku  
Tak mahu  
Masuk neraka.

## MENYAMBUT TAHUN BAHARU

Selamat menyambut  
Tahun baharu  
Selamat menyambut  
Azam baharu  
Selamat menyambut  
Kemungkinan-kemungkinan baharu  
Selamat menyambut  
Kejutan-kejutan baharu.

## DENGAN RAHMAT-NYA

Perlu kita lakukan  
Pelbagai amalan kebaikan  
Untuk menarik rahmat Tuhan  
Kepada kita  
Kerana kita  
Masuk syurga  
Dengan rahmat-Nya.

**Aladin Mohamad**  
Rim 8 Jasin, Melaka.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Kediaman lebih selesa penghuni PPR, PA

**S**EMUA orang memerlukan tempat tinggal untuk berlindung daripada panas dan hujan sebagai keperluan asas kehidupan, selain makanan dan pakaian. Tetapi bukan semua berpeluang memiliki rumah.

Yang ada rezeki memiliki rumah pula, kemampuan pemilikan tidak sama antara satu sama lain. Ada yang mampu membeli rumah harga rendah, harga sederhana dan harga tinggi. Semua bergantung kepada sumber pendapatan masing-masing.

Dengan kos kehidupan yang tinggi di Kuala Lumpur, harga rumah juga meningkat sehingga mencapai ratusan ribu. Tentunya ini di luar kemampuan mereka yang berpendapatan sederhana, baik untuk rumah di atas tanah atau kondominium.

Dengan tanah yang semakin berkurangan di ibu negara ekoran pelbagai pembangunan, trend masa kini ialah membina kondominium di pelbagai tempat. Selalunya harganya tinggi di luar jangkauan kebanyakan warga kota. Rumah atas tanah lagilah mahal.

Kerana itu bagi sebahagian besar warga kota, mereka banyak bergantung kepada rumah yang dibina oleh kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merangkumi Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA). Rumah ini dalam kemampuan mereka untuk membeli atau menyewa dengan harga berpatutan.

Namun Adi ingin menyentuh mengenai PPR atau PA yang dibina beberapa dekad lalu, ada yang berusia hingga lebih 30 tahun. Rumah lama ini dirasakan sudah tidak sesuai kerana keluasan dan persekitaran yang dianggap sudah tidak selesa untuk penghuni dalam arus pembangunan ibu negara yang pesat.

Adi faham tinggal dalam sebuah rumah yang agak sempit dengan satu atau dua bilik tidak serta satu bilik air memang kurang selesa. Ketidakselesaan ini lebih terasa jika keluarga terlibat adalah sebuah keluarga besar, mempunyai ramai anak lelaki dan perempuan.

Jika rumah itu mempunyai dua bilik, satu untuk ayah ibu, tinggal satu bilik untuk dikongsi oleh anak-anak. Masalah privasi timbul kerana anak-anak terpaksa berkongsi bilik. Ini tentu menyukarkan terutama bagi anak-anak yang sudah dewasa atau meningkat remaja.

Lagipun masakan anak lelaki dan perempuan hendak berkongsi bilik. Biasanya anak perempuan diberi keutamaan



PIHAK DBKL mengambil langkah positif melalui pelaksanaan Program Pembaharuan Semula Bandar (PPSB) untuk menambah baik PPR dan PA agar lebih luas dan selesa didiami.

tinggal dalam bilik, berkongsi jika ramai. Yang lelaki boleh simpan barang dalam bilik tetapi tidur boleh di luar, misalnya ruang tamu. Namun tentu segan juga untuk sering keluar masuk ke dalam bilik yang didiami adik-beradik perempuan.

Adi tidak bermaksud untuk mempertikai suasana tinggal dalam PPR atau PA. Cuma apa yang Adi nyatakan adalah untuk menggambarkan inilah realiti rumah lama PPR atau PA yang dibina beberapa dekad dahulu dan masih berdiri sehingga kini. Fakta ini disedari oleh DBKL sendiri.

Pembinaan PPR atau PA tersebut mungkin dianggap bersesuaian dengan keperluan pada masa itu tetapi bukan masa kini. Jumlah luas keseluruhan setiap unit hanya 450 kaki persegi, dengan satu atau dua bilik dan satu bilik air memang tidak kondusif bagi yang mempunyai ramai anak.

Atas kesedaran ini, pihak DBKL mengambil langkah positif memperbaiki keadaan ini

melalui pelaksanaan Program Pembaharuan Semula Bandar (PPSB) atau *Urban Renewal*. Matlamatnya untuk menambah baik PPR dan PA agar lebih luas dan selesa didiami.

Bagi Adi ini suatu usaha murni untuk membela penghuni PPR dan PA. Adi difahamkan, 30 kawasan PPR dan PA di seluruh Kuala Lumpur sudah dikenal pasti untuk program pembaharuan semula tersebut.

Memetik Menteri Wilayah Persekutuan (WP), Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, sesi libat urus atau *engagement session* dengan penduduk terlibat di separuh kawasan sasarannya telah selesai dilaksanakan. Hasilnya bakal dibentangkan kepada orang ramai untuk mendapatkan maklum balas.

Sebuah maklumat maklum balas yang diterima akan dijadikan garis panduan merumus pelan tindakan memperbaiki PPR dan PA di kawasan terlibat, memperbaiki kemudahan dan keselesaan serta menyelesaikan masalah

**“ Adi berharap para penghuni PPR dan PA yang terlibat dengan pembangunan semula akan memberi respons positif untuk membolehkan program tersebut dilaksanakan segera. Dengan itu para penghuni akan segera memperoleh kediaman baharu dengan suasana kehidupan yang lebih menyeronokkan.**

yang dihadapi oleh penghuni selama ini.

Menurut Shahidan, sejajar dengan pembangunan semula ini bakal menyaksikan keluasan rumah bertambah sehingga 800 kaki persegi, sekali ganda daripada keluasannya sekarang. Justeru lebih luas ruang untuk keluarga serta mampu meningkatkan kualiti kehidupan penghuni.

Selain itu bilik juga ditambah menjadi tiga, sejajar dengan ketetapan pembinaan PPR atau PA masa kini perlu mempunyai tiga bilik. Adi percaya proses, pembesaran dan menambah baik kemudahan akan turut meraikan taraf kediaman.

Ia juga bermakna, *urban renewal* ini akan melibatkan pembangunan semula. Bangunan yang ada diroboh dan perumahan baharu didirikan di atas tapak berkenaan. Adi difahamkan penempatan sementara disediakan sementara pembinaan siap, kemungkinannya berhampiran kawasan rumah tersebut. Oleh itu penghuni tidak perlu berpindah ke tempat lain.

Perlu diingat ada di antara unit kediaman itu sudah menjadi milik persendirian setelah dijual oleh DBKL kepada individu. Selain itu terdapat juga unit yang disewa dan masih milik DBKL. Kerana situasi ini, pembaharuan semula dijangka memakan masa untuk dilaksanakan sepenuhnya.

Bagaimanapun Shahidan memberi jaminan, jika projek ini melibatkan pengambilan tanah, penghuni yang mendiami unit milik DBKL akan diberi pampasan sama rata dengan yang bakal diterima oleh pemilik persendirian.

Bagi Adi, sekalipun program pembaharuan ini mengambil masa, usaha DBKL ini adalah langkah permulaan yang sangat menggalakkan. Ini

menunjukkan keprihatinan DBKL untuk memastikan kehidupan penghuni berubah ke arah lebih baik dan selesa, sesuai dengan peredaran masa serta keperluan untuk perumahan yang lebih memenuhi cita rasa.

Pembangunan semula ini adalah sejajar dengan matlamat membangunkan semula kawasan-kawasan perumahan lama seperti yang terkandung dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040. Ia juga bakal menyerlahkan bandar raya menjadi lebih kemas dan tersusun dengan cara membaru bangunan lama, termasuk PPR dan PA yang sudah dimamah usia.

Secara tidak langsung usaha ini akan mempamerkan kepada masyarakat luar betapa kerajaan begitu komited menyediakan kawasan perumahan yang terbaik untuk warga kota, melalui bangunan moden dan persekitaran lebih menarik.

Selain kediaman lebih selesa, pembangunan semula juga bakal meningkatkan taraf hidup penduduk terlibat, juga menambah nilai hartanah di samping mewujudkan suasana kehidupan dan persekitaran yang lebih harmoni untuk pembangunan generasi akan datang.

Adi berharap para penghuni PPR dan PA yang terlibat dengan pembangunan semula akan memberi respons positif untuk membolehkan program tersebut dilaksanakan segera. Dengan itu para penghuni akan segera memperoleh kediaman baharu dengan suasana kehidupan yang lebih menyeronokkan.

Adi—Syukur ada rumah

*Adi Feah*

**SAJAK**

KERANA NIKNATNYA KOPI ITU

Seperti kebiasaan tekak harus dilayan mencicip seteguk minuman di warung tempat tinggal menikmati kopi ibu tunggal rasa yang tiada kesal leganya memuas akal seraya menerima pesanan ringkas dari isteri tercinta bertanya bingkas awak di mana kenapa tidak bertugas sepanas juga jawab dibalas saya di warung kopi menuntut kehendak selera sesungguhnya awak terlupa ini hari bahagia ulang tahun berumah tangga hasrat mencari cenderahati istimewa asbab itu tidak bekerja tidak nanti latah melata keberadaan aku di warung janda.

Enzonazri  
FIKS P5 Putrajaya

## SKETSA



Pihak guru SMK La Salle cadang penerima ditambah

# 20 pelajar terima bantuan makanan

HAZIRAH HALIM

**Y**AYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa memberi bantuan kepada pelajar sekolah menengah daripada golongan berpendapatan rendah (B40) melalui Program Bantuan Pemakanan.

Bantuan melalui pemakanan yang sihat serta dilengkapi pelbagai nutrisi penting untuk kecerdasan otak itu amat membantu pelajar untuk lebih fokus ketika sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Dalam masa yang sama, ia mampu meringankan beban perbelanjaan ibu bapa dan pelajar B40, miskin tegar serta anak yatim di sekitar Wilayah Persekutuan.

Terbaru, Program Bantuan Pemakanan Sihat Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan 2022, berjaya dilaksanakan dengan melibatkan tiga daerah iaitu Daerah Sentul, Daerah Keramat dan Daerah Bangsar Pudu.

Menzahirkan ucapan terima



PARA pelajar menikmati bantuan pemakanan yang disediakan YWP.

kasih di atas bantuan yang disalurkan, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) La Salle Sentul, **Md Saufian Yaacob** turut mencadangkan agar bantuan tersebut diperluaskan lagi.

“Saya harap bantuan di sekolah ini dapat ditambah lagi kerana hampir 60 peratus pelajar di sini terdiri daripada miskin tegar, anak yatim

yang kebanyakannya datang ke sekolah tanpa membawa duit belanja,” ujar beliau.

Malah, kata beliau, pihak sekolah bersedia membantu YWP mengesan pelajar yang memerlukan melalui perolehan semakan data peribadi pelajar melalui Sistem Aplikasi Data Murid (APDM).

“Besar harapan kami agar YWP dapat merealisasikan perkara tersebut secepat mungkin. Misalnya daripada 20 orang pelajar yang dibantu kepada 30 orang mengikut data yang ada pada pihak kami,” ujar beliau lagi.



BANTUAN makanan diletakkan dalam bekas bagi memudahkan pelajar untuk mendapatkannya.

but secepat mungkin. Misalnya daripada 20 orang pelajar yang dibantu kepada 30 orang mengikut data yang ada pada pihak kami,” ujar beliau lagi.

Dalam pada itu, beliau berkata rata-rata pelajar turut mengucapkan terima kasih kepada YWP atas kesudian membantu 20 pelajar kurang berkemampuan pada 13 September lalu.

Info
**ADUAN**

---

**DBKL**  
 Tel : 03-2617 9000

**Perbadanan Putrajaya**  
 Tel : 03-8887 7000  
 Aduan : 03-8887 3000

---

**Perbadanan Labuan**  
 Tel : 087-408600  
 Aduan : 087-408852

**Wilayahku**  
 WhatsApp  
 : 011-5958 7489

“Jumlah tersebut merangkumi 14 pelajar sesi pagi dan enam pelajar sesi petang. Paling menyeronokkan mereka, menu hidangan yang diterima bertukar-tukar setiap hari,” ujar beliau menjelaskan pelajar yang layak diberi kad untuk memudahkan pengambilan makanan di kantin pada waktu rehat. **WK**

## YWP usaha hapuskan iklan haram, bantu golongan sasaran

DEEL ANJER

**MATLAMAT** utama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mungkin terjejas jika iklan haram terus berleluasa di sekitar ibu kota.

Menurut Pengurus Unit Pengurusan Iklan Luar Yayasan Wilayah Persekutuan, **Mohd Fauzi Awang**, 47, pengiklanan haram boleh mengganggu usaha untuk terus membantu masyarakat.

“Tugas saya adalah menguruskan tapak-tapak iklan dalam kawasan pentadbiran kerajaan di Kuala Lumpur dan memegang amanah sebagai *one stop admin* untuk pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memproses permohonan-permohonan tapak iklan baharu atas tanah kerajaan.

“Bukan itu sahaja, YWP juga membantu DBKL dalam mengawal selia dan memantau pertumbuhan serta pembinaan struktur-struktur haram di sekitar Kuala Lumpur,”



MOHD FAUZI (kiri) ketika bertugas pada Sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur.

ujarnya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi cabaran yang dihadapi, Mohd Fauzi berkata antara cabaran yang sukar dibanteras adalah berlelusanya pengiklanan haram yang merupakan tapak-tapak yang dibina tanpa kelulusan DBKL.

“Apabila kami dapat tahu

info tentang hal itu, kami akan siasat betul-betul sebelum membuat apa-apa tindakan. Misalnya, pemasangan iklan di kawasan yang tidak dibenarkan,” katanya.

Menurut Fauzi lagi, kewujudan iklan haram menjelaskan imej YWP sekali gus membantunkan

usaha membantu rakyat.

“Dalam masa yang sama, YWP juga membawa imej DBKL, jadi apabila wujudnya iklan haram, sudah tentu YWP akan dipersoalkan.

“Untuk itu, kami hanya memantau iklan-iklan haram, dari segi penguatkuasaan pula dijalankan oleh pihak DBKL. Buat masa ini, YWP tiada autoriti untuk melaksanakan tanggungjawab itu,” ujarnya mengakui pendapatan hasil pengiklanan kembali meningkat dalam Fasa Peralihan Endemik.

Melalui hasil pengiklanan juga, YWP mampu meneruskan misi atau objektif utama untuk membantu warga Wilayah Persekutuan yang memerlukan bantuan.

“Saya harap tiada lagi iklan haram kerana ia secara tak langsung mengganggu pasaran iklan sekali gus memberi kesan kurang baik kepada usaha kami dalam membantu golongan sasaran,” katanya. **WK**

### Yayasan Wilayah Persekutuan

**Lokasi:** Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

**Objektif:** Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

**Hubungi:** 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

**WhatsApp:** 019-348 3073

**E-mel:** info@yayasanwp.org.my

**Laman sesawang:** www.yayasanwp.org.my

**Anak Syarikat:** Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (*Wilayahku*)

**Laman sosial YWP:** Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok: *yayasanwp*

## Wanita muda GPMS tonton filem patriotik rai Hari Malaysia



SHALINA (depan kanan) bersama sebahagian jemputan yang menonton filem Air Force The Movie.

**GABUNGAN** Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menyemarakkan sambutan Hari Malaysia dengan menonton filem patriotik, Air Force The Movie di Golden Screen Cinema Quill City Mall, baru-baru ini.

Menghimpunkan seramai 174 ahli wanitanya, pemilihan cerita tersebut bagi menunjukkan rasa penghargaan kepada individu yang telah berkorban untuk negara tercinta.

Menurut Presiden Hal Ehwal Wanita GPMS, **Shalina Mohd Abdul Nasir**, selain ahli GPMS wanita dari pelbagai negeri, pihaknya turut menjemput wanita-wanita muda di

sekitar Wilayah Persekutuan untuk menonton bersama-sama.

“Ini adalah program pertama yang saya anjurkan bersama GPMS wanita di peringkat kebangsaan dan ia berjaya dilaksanakan. Saya terharu dengan komitmen yang diberikan oleh mereka untuk datang meskipun ada dalam kalangan mereka yang perlu bergerak jauh ke Kuala Lumpur,” katanya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, pemilihan filem Air Force The Movie tepat kerana ia mengisahkan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) atau Pasukan Khas Udara (PASKAU) bergadai

nyawa, bermandikan darah demi menyelamatkan negara daripada dijahat.

“Program ini bukan untuk santai semata-mata tetapi mesej yang saya ingin sampaikan adalah rakyat Malaysia terutama ahli GPMS perlu memupuk semangat setia kawan dan kerjasama ketika melakukan kerja berpasukan,” jelasnya.

Berkongsi tentang perancangan pada masa hadapan, pihaknya dalam perbincangan berkenaan aktiviti yang memberi tumpuan kepada wanita dan pendidikan dalam tempoh tiga tahun akan datang. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

# RondaKota

23 - 29 SEPTEMBER 2022 . Bil 183

Wilayah Ku

## SUKMA pentas lahir jaguh dunia

**S**UKAN Malaysia (SUKMA) merupakan kejohanan berkonsepkan ‘Mini Sukan Olimpik’ di Malaysia dengan melibatkan atlet remaja yang dilihat mampu memberi masa hadapan cerah kepada arena sukan negara.

Kini, sejak ia mula diadakan pada tahun 1986, pelbagai pencapaian berjaya dicungkil melalui sukan dwitahunan ini. Malah, ia terus bergerak mengukir kejayaan.

Merentasi zaman berzaman, SUKMA berada di kelasnya yang tersendiri sekali gus merupakan temasya sukan tempatan paling berprestij buat atlet-atlet muda membuktikan kemampuan masing-masing.

**SAMBUNGAN DI MUKA 10**





# Kisah kejayaan zaman-berzaman



AINI MAWAWI

**DARI MUKA 9**

**SUKAN** Malaysia atau SUKMA merupakan temasya sukan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Negara (MSN). Ia merupakan sukan remaja yang bertujuan mencungkil bakat atlet baharu sebagai asas pemilihan mewakili negara ke peringkat antarabangsa.

Selain itu, pengajurannya juga menggalakkan pembinaan kemudahan-kemudahan sukan negeri selaku tuan rumah bagi membantu pembangunan sukan secara keseluruhan di Malaysia.

Pada tahun 1983, ia mula dicadangkan dan temasya bermula secara rasminya pada 19 hingga 26 April 1986 yang menyaksikan Kuala Lumpur dipilih sebagai tuan rumah

pada edisi pertama ketika itu.

Selain negeri-negeri, pengajurannya turut disertai kontinjen lain antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) namun beberapa tahun selepas itu kontinjen-kontinjen tersebut menarik diri.

Merentasi tahun 1990, menyaksikan Sarawak dipilih sebagai tuan rumah sekali gus ia merupakan pengajuran pertama diadakan di Wilayah Borneo. Tidak terhenti di situ, Australia Utara juga pernah menyertai temasya ini pada edisi ke- 9 yang diadakan di Sabah.

Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sukan (JKPS) pada tahun 2010 memutuskan temasya ini untuk dianjurkan setiap tahun mulai tahun 2011 dengan MSN sebagai tuan rumah pada setiap tahun ganjil.

Walau bagaimanapun, temasya

SUKMA pada tahun ganjil telah dihentikan pada tahun 2015 atas sebab agenda sukan negeri yang padat dan kos yang tinggi buat MSN untuk membiayai kontinjen SUKMA setiap tahun.

Kini, setelah dua dekad ia berlangsung, SUKMA berjaya menghimpunkan pelbagai acara wajib dan pilihan antaranya badminton, bola sepak, gimnastik selain sukan air, sukan raket dan sukan berpasukan.

Malah, terbaru pengajurannya pada edisi kali ini, SUKMA XX MSN 2022 yang sedang berlangsung bermula 16 hingga 24 September ini mempertandingkan 426 acara membabitkan 223 acara lelaki, 184 wanita dan 19 campuran daripada 31 jenis sukan termasuk sukan termasuk e-sports.

Berlangsung di Kuala Lumpur, ia disertai seramai 6,625 atlet dan 2,709 pegawai membabitkan 15

kontinjen negeri termasuk Brunei. Selain itu, pada edisi kali ini juga, memperkenalkan 'Oyen' sebagai maskot yang melambangkan 'Harimau Malaya' yang tidak luntur semangat, tabah menghadapi perjuangan.

Dirasmikan oleh Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** pada Sabtu lalu, beliau menyifatkan bintang-bintang yang lahir daripada SUKMA bakal memburu kejayaan di pentas antarabangsa.

"Jadikan pentas temasya SUKMA kali ini sebagai arena membuktikan kejayaan supaya yang terbaik akan diangkat membawa cabaran negara dengan pentas Sukan SEA di Kemboja, tahun hadapan, sebagai aturan langkah pertama mencetus kehebatan di peringkat tertinggi.

"Temasya Sukan Asia di Hangzhou tahun depan sebagai platform persiapan terbaik untuk mengejar impian emas sulung pada Sukan Olimpik di Paris 2024 nanti," ujar beliau sempena Majlis Upacara Perasmian Pembukaan SUKMA XX MSN 2022 yang berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak,

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Tambah beliau lagi, atlet yang pernah bersaing di pentas SUKMA, Soh Wooi Yik membuktikan Malaysia mampu menakluki persada dunia, menggentarkan lawan hebat untuk memahat pencapaian yang membanggakan seluruh negara.

"Kerajaan memberi jaminan akan terus meningkatkan kerancakkan arena sukan negara. Sokongan padu kepada Program Podium untuk merealisasikan kilauan emas Olimpik itu sudah ditunaikan, dengan peruntukan kewangan yang berjumlah RM240 juta menerusi Rancangan Malaysia Ke-12.

"Oleh itu, atlet-atlet tidak perlu bimbang dan tumpuan perlu diberikan sepenuhnya untuk mengharumkan nama negara," ujar beliau.

Terdahulu, SUKMA 2020 yang dijadual berlangsung di Johor ditangguhkan akibat pandemik COVID-19. Ia dilaksanakan pada tahun ini yang mana Kuala Lumpur mengambil alih 'tugas' Johor untuk mengjurkannya. **WK**

JUMLAH PUNGUTAN PINGAT SUKMA PERTAMA 1986 DI KUALA LUMPUR

Ked.	Negeri	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
1	Kuala Lumpur	36	32	22	90
2	Selangor	23	14	14	51
3	Sarawak	13	8	14	35
4	Perak Darul Ridzuan	10	15	17	42
5	Pulau Pinang	9	20	21	50
6	Sabah	9	8	8	25
7	Polis Diraja Malaysia	9	4	7	20
8	Johor	6	5	6	17
9	Kedah	5	5	11	21
10	Angkatan Tentera Malaysia	2	8	11	21
11	Melaka	2	1	5	8
12	Terengganu	2	1	4	7
13	Pahang	1	4	6	11
14	Negeri Sembilan	0	1	4	5
15	Kelantan	0	1	1	2
16	Perlis	0	0	1	1
17	MASUM	0	0	0	0
Jumlah		127	127	152	406



PERDANA Menteri ketika hadir melancarkan SUKMA XX MSN 2022 di UKM, Bangi.

# Kekal tiga teratas, WiPers perlu kompleks sukan berpusat



DIANA AMIR

**T**IDAK dinafikan, SUKMA merupakan satu landasan untuk atlet yang berjaya membina nama dalam sukan berprestij dunia. Malah, atlet Wilayah Persekutuan (WiPers), Nur Dhabitah Sabri, 23, yang berjaya ke pentas Olimpik 2020 merupakan antara yang dilahirkan melalui SUKMA.

Mengulas lanjut tentang perkara tersebut, Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Dr Hasnul Faizal Hushin Amri berkata

Wilayah Persekutuan mempunyai atlet prospek yang memiliki masa hadapan yang cerah.

"Kita mempunyai jurulatih terbaik yang mana kebanyakan daripada mereka berada di sini (pusat bandar). Jadi, dengan



HASNUL

kelebihan ini disusuli program hebat yang direncana, maka tidak mustahil untuk melahirkan atlet yang bagus," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau, Pelan Induk Pembangunan Sukan Wilayah Persekutuan juga mensasarkan Wilayah Persekutuan sentiasa berada di tangga tiga teratas setiap kali menyertai SUKMA.

"Untuk mencapai sasaran tersebut dan mengekalkannya, banyak strategi dan perancangan yang perlu kita laksanakan. Antaranya, didikan atlet yang bermula dari akar umbi selain pusat latihan

khas.

"Walaupun begitu, kita juga bernasib baik kerana sentiasa mendapat sokongan daripada agensi seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk menggunakan kemudahan sukan yang ada untuk sesi latihan.



"Cuma untuk memastikan atlet mendapat latihan secara komprehensif, saya rasa kita di Wilayah Persekutuan perlu mempunyai pusat latihan yang berpusat seperti di Bukit Jalil.

"Dengan adanya kemudahan dari segi prasarana, maka mudah

untuk mencapai misi terus berada di tangga tiga teratas. Ini kerana, tempat latihan yang kondusif memainkan peranan yang penting buat atlet.

"Ia secara tidak langsung memberi kesan kepada psikologi atlet yang mana apabila mereka

berada di tempat latihan yang betul tanpa gangguan, mampu memberi semangat yang luar biasa," ujar beliau.

Sepanjang penganjuran SUKMA, Wilayah Persekutuan pernah berada di tangga juara sebanyak dua kali iaitu pada edisi pertama, 1986 dan ketika SUKMA Perlis 2014. **WK**



KOMPLEKS latihan sukan berpusat akan membantu atlet WiPers berlatih secara lebih komprehensif untuk mencapai misi yang ditetapkan oleh MSWP.



AVINESWARAN

**“**INI merupakan edisi ketiga SUKMA dan yang terakhir buat saya. Pada kali terakhir ini, saya berjaya memenangi pingat. Semestinya ia akan menjadi satu momen paling berharga untuk dikenang."

AVINESWARAN GUNASEKARAN, 23  
Atlet Karate WiPers



AQILAH

**“**SAYA sangat gembira kerana terpilih untuk edisi kali ini. *Alhamdulillah* saya berjaya meraih pingat emas untuk acara berpasukan. Semua atlet hebat dan ini merupakan pentas terbaik untuk masa hadapan kami."

AQILAH SYAZWANI ROSLAND, 16  
Atlet Boling Padang WiPers



NURUL ASHIKIN

**“**PENGALAMAN kali kedua menyertai SUKMA saya lihat lebih ramai atlet baharu terutama dari Wilayah Persekutuan yang memenangi pingat. Misi SUKMA itu sendiri berjaya dicapai dengan melahirkan ramai atlet yang terbaik."

NURUL ASHIKIN HUSSIN, 21  
Atlet Olahraga WiPers



**SEKITAR** suasana Majlis Perasmian Pembukaan Sukan Malaysia XX/MSN 2022 yang diadakan secara meriah di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Sabtu lalu.



**MENTERI** Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim meluangkan masa menonton perlawanan bola sepak peringkat suku akhir Wilayah Persekutuan menentang Johor di Stadium UiTM pada Isnin lalu.



**AKSI** atlet kanu ketika beraksi di SUKMA XX/MSN 2022 yang diadakan di Kompleks Sukan Air, Presint 6, Putrajaya.



# Imej muslimah tapi berhibur di kelab malam



DEEL ANJER

**T**ERKEJUT Wilayahku apabila dapat tahu pelakon remaja bertudung, berimej sopan rupanya sering berhibur di kelab malam.

Dia sanggup buang tudung tau apabila ke kelab malam. Bukan itu sahaja, siap pakai seksi nampak susuk tubuh badan lagi selain bercampur dengan kawan-kawan lelakinya yang lain.

Namun, apabila tampil dalam media sosial, pelakon ini berlakon seperti 'ustazah' pula. Paling membuatkan orang lain



menyampaoh apabila dia suka komen seolah-olah dirinya sahaja yang bagus.

Bukanlah Wilayahku nak menyibuk sangat, tetapi betulkan diri dulu sebelum nak komen orang lain. Kalau komen yang sedap didengar bagus juga, tetapi ini sebaliknya.

Satu lagi, bila kita bertudung dan menutup aurat, biarlah istiqamah dan elakkanlah ke kelab malam yang sudah nyata lebih mendorong kepada kemaksiatan.

Apa-apa pun semoga kisah ini menjadi pedoman buat kita semua. Sama-sama kita doakan agar pelakon tersebut insaf dan kembali ke jalan yang benar. Amin.

WK



GAMBAR/hiasan.

## "Nak hidup, ketepikan rasa malas" – Rozita Che Wan

**PELAKON** jelita **Rozita Che Wan** mengaku pengalaman bergelar ibu tunggal sebelum ini banyak membuka ruang baginya menyelami pahit getir kaum Hawa.

Apatah lagi, apabila fasa pandemik COVID-19 berakhir dan bermula Fasa Peralihan Endemik, ramai yang masih tercari-cari sumber pendapatan.

Disebabkan itu, Rozita Che Wan yang lebih mesra dipanggil Che Ta kini mengusahakan produk inai segera mampu milik, Mazaville (Inai Che Ta) bersama Anas Zahrin.

Dalam masa yang sama, dia dapat membantu ramai wanita untuk menjana pendapatan dengan menjadi ejen Inai Che Ta yang telah pun berada di pasaran empat bulan lalu.

"Saya pernah bersempang dengan ejen dan stokis inai kami, ada yang berjaya menjana pendapatan lebih RM75,000 sebulan."

"Yang penting kita berniaga dan bersaing secara sihat. Hasilnya, *insya-Allah* membahagiakan. Nak hidup, kena ketepikan rasa malas dan segala macam perasaan negatif," katanya.


Menurut Che Ta, pihaknya juga sedar usaha membangunkan ekonomi golongan wanita mahupun suri rumah harus diteruskan.

"Sebab itu saya dan Anas sebagai pengasas mahu terus bantu satu juta

wanita di Malaysia tak kira apa status mereka untuk terus menjana pendapatan.

"Kami bersyukur sejak Jun lalu biarpun berdepan saingan sengit dan kontroversi tak terduga dengan pengusaha inai lain, niat dan misi kami untuk membantu ekonomi golongan wanita tidak pernah goyah," jelasnya.

Dalam pada itu, Che Ta turut meluahkan rasa syukur apabila Inai Che Ta kini diiktiraf sah untuk dibawa solat oleh pihak Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu pada 14 September lalu.



## Aeril Zafrel guna TikTok majukan bisnes

**PELAKON** yang kini bergelar ahli perniagaan, **Aeril Zafrel** mengaku tidak sia-sia aktif di media sosial *TikTok* semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

Kata Aeril, walaupun ramai yang memandang serong terhadapnya kerana bermain *TikTok* ketika itu, kini media sosial itu sangat membantu bisnesnya bersama isteri, Wawa Zainal.

"Dahulu (semasa PKP) ramai yang memandang aplikasi ini hina dan kebudak-budakan, tapi saya malas nak ambil pusing dan tetap teruskan dengan memuat naik kandungan baru bagi menghiburkan hati rakyat Malaysia."

"Ketika itu hampir setiap hari saya kongsikan kandungan baru sehingga ramai yang buka *TikTok* semata-mata nak tengok video saya. Mungkin sebab itulah saya digelar presiden."

"Bagaimanapun selepas PKP berakhir, aplikasi itu mula menerima maklum balas positif dan kini menjadi salah satu cara untuk mereka mempromosikan

perniagaan dan menjana pendapatan," katanya pada Majlis Pelancaran Wangian Wawa x Rozyana, Asmaradana di Kajang, Selangor, baru-baru ini.

Menurut Aeril, *TikTok* juga dilihat memberi peluang kepada insan biasa untuk bergelar pempengaruh dengan cepat bagi mengubah nasib hidup mereka.



AERIL (kanan) bersama isteri Wawa (tengah) pada Majlis Pelancaran Wangian Wawa x Rozyana, Asmaradana di Kajang, Selangor, baru-baru ini.

## Konsert Simfoni Hari Malaysia 2022

# Bukti perpaduan kaum utuh, terus dipelihara

**KONSERT** Simfoni Hari Malaysia 2022 yang berlangsung pada 16 September lalu di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur berjaya mencapai objektifnya untuk mengukuhkan perpaduan rakyat.

Buktinya, hampir 5,000 penonton daripada pelbagai bangsa, kaum dan etnik berkumpul menyaksikan konsert sempena Hari Malaysia itu.

Dianjurkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Persatuan Rekreasi Global Malaysia yang disokong oleh Tourism Malaysia, ia bertepatan dengan misi Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mahu mengukuhkan ikatan Keluarga Malaysia dalam kalangan masyarakat.

Sokongan masyarakat pelbagai kaum terhadap konsert ini melambangkan perpaduan rakyat di Malaysia tetap utuh dan ia membawa impak terhadap elemen perpaduan.

Selain pelbagai kaum yang hadir menyaksikan konsert, ia turut membariskan artis dari pelbagai kaum yang semestinya menyanjung tinggi semangat Keluarga Malaysia seperti penampilan Santesh mewakili kaum India, Suki, kaum Cina, Azharina dari kepulauan Borneo, Sabah dan Sarawak.

Selain itu, ia juga membariskan juara program Gegar Vaganza Siti Nordiana, Haiza dan Hazama wakil dari Semenanjung Malaysia.

Konten yang dihidangkan itu

menepati konsep Keluarga Malaysia bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Malaysia peringkat Kuala Lumpur.

Selain daripada persempahan nyanyian, penari kebudayaan DBKL turut mempersembahkan tarian yang mewakili pelbagai etnik dan ia sesuai dengan setiap lapisan umur termasuklah tarian hip hop untuk golongan remaja.

Melalui persempahan yang meriah dan berwarna-warni itu, ia jelas memperlihatkan jati diri Keluarga Malaysia yang kaya dengan elemen kebudayaan yang mewakili banyak kaum.

Disebalik pengajianan Konsert Simfoni Hari Malaysia 2022, ia mampu memantapkan lagi industri pelancongan negara aktiviti kebudayaan dan kesenian ini terhenti akibat penularan COVID-19 selama dua tahun lalu.

### DATARAN MERDEKA GAMIT NOSTALGIA PRA KEMERDEKAAN

DATARAN Merdeka merupakan lokasi konsert ini dilaksanakan. Ia memainkan peranan yang penting kerana ia merupakan lokasi yang mengumpulkan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira kaum bersama-sama menyaksikan detik bendera Union Jack diturunkan.

Sudah pasti nostalgia yang diwarisi dari generasi ke generasi perlu sentiasa diingatkan bahawa hanya melalui aspirasi kekeluargaan



dan perpaduan negara ini memperoleh kemerdekaan dan atas faktor penyatuannya yang membentuk negara Malaysia seperti kita sambut pada 16 September setiap tahun.

Berlatarbelakangkan bangunan ikonik, Bangunan Sultan Abdul Samad yang sememangnya telah masyhur di seluruh dunia, konsert ini mampu memacu tarikan para

pelancong untuk ke tempat-tempat menarik di Kuala Lumpur.

Ia juga dilihat dapat membantu membantu penggiat seni seperti penyanyi dan kru belakang tabir setelah lama terjejas sumber pendapatan akibat pandemik COVID-19 yang selama ini mengikat perut demi kelangsungan hidup.

Seiring dengan peralihan fasa endemik, pengajianan konsert ini

sebenarnya banyak membantu anak-anak seni untuk bangkit semula mendepani cabaran mendatang. Sudah pasti tema Sambutan Keluarga Malaysia Teguh Bersama berjaya menggarap nilai perpaduan dan kebersamaan yang tinggi berjaya membangkitkan nilai kekeluargaan rentas kaum dan agama seperti yang diimpikan pemimpin negara. **W.K**



## Lagu patriotik berkumandang di Dataran Merdeka

**MESKIPUN** Sambutan Hari Malaysia pada 16 September yang lalu di sambut secara rasmi di Melaka namun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil peluang untuk menghidupkan hari bersejarah itu dengan pengajianan Konsert Simfoni Hari Malaysia peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Konsert Simfoni Hari Malaysia

dimulai dengan persempahan lagu-lagu patriotik seperti lagu Satu Malaysia, Jalur Gemilang, dan Keranamu Malaysia dan dipersembahkan secara instrumental termasuklah lagu tanah pusaka dengan irungan Orkestra Kuala Lumpur di bawah pimpinan Dr Isabella Pek yang melibatkan kira-kira 58 pemuzik. Selanjutnya, Azharina

mempersenjatakan lagu Dirgahayu Tanah Airku; Rawan; Elegi Sepi, Suki Low membawakan lagu Keluarga Malaysia Teguh Bersama; Berdiri; Tak Ingin Usai dan Santesh pula menyanyikan lagu Amalina; Sampaikan Salam dan Saya Anak Malaysia yang didendangkan bersama artis residen DBKL. Juara Gegar Vaganza musim

kedua, Siti Nordiana pula menyampaikan tiga buah lagu iaitu Bahtera Merdeka; Hatiku Milikmu dan Terus Mencintai. Hazama turut mendendangkan lagu hitsnya, Penglipur Lara; Relakan Jiwa; dan Agi Idup Agi Ngalaban yang merupakan lagu tema (OST) filem Kanang Anak Langkau).

Lagu Kuala Lumpur Bandaraya Untuk Semua yang merupakan

lagu tema sambutan Jubli Emas Bandaraya Kuala Lumpur ciptaan komposer DBKL dinyanyikan bersama-sama sebagai penutup kepada Konsert Simfoni Hari Malaysia.

Konsert yang julung kali diadakan itu turut dihadiri Pengarah Eksekutif Perancangan, Datuk Sulaiman Mohamed, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi, Datuk Azmi Abdul Hamid dan Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian Pelancongan dan Sukan, Khairul Azmir Ahmad.



SABRINA SABRE

**K**ARNIVAL Pendidikan dan Haluan Kerjaya Putrajaya 2022 yang berlangsung dari 23 hingga 25 September menerima lebih 1,000 penyertaan pelajar dari sekolah sekitar Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor.

Bertempat di Auditorium Cempaka Sari, Presint 3, Putrajaya, karnival tersebut merupakan anjuran ANS Diversified Sdn Bhd bersama Perbadanan Putrajaya (PPJ) menerusi Kelab Jabatan Perkhidmatan Bandar (JPB).

Menurut Pengarah Urusan ANS Diversified Sdn Bhd, **Ameera Nadia Mohd Shafiee**, program dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPPWP) itu bertujuan berkongsi informasi terkini dan maklumat berkaitan kursus kemahiran serta pengajian yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

"Ia juga diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar mengenai peluang pendidikan dalam pelbagai bidang serta membantu mereka membuat persediaan awal demi kecemerlangan hidup.

"Ini medium yang baik untuk memberi pendedahan kepada



AMEERA NADIA

pelajar tentang pendidikan di peringkat lebih tinggi dan bidang kerjaya semasa," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Di samping itu, Ameera Nadia berkata perkongsian dan pendedahan maklumat terkini dari alam pendidikan ke alam kerjaya dapat membantu pelajar bersedia dengan lebih baik untuk mengharungi kehidupan selepas zaman persekolahan.

"Pilihan bidang yang sesuai juga akan menjamin pekerjaan yang terbaik pada masa hadapan. Buat pengetahuan semua, penyertaan ini tidak terhad kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja tetapi kita juga buka kepada pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi dan sesiapa sahaja yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA maupun PTS.

"Kami turut menggalakkan penyertaan golongan yang sudah bekerja tetapi berhasrat untuk menyambung pelajaran secara separuh masa serta

pelajar antarabangsa yang ingin menyambung pelajaran di Malaysia," tambahnya.

Dalam pada itu, dia turut menyeru pelajar agar menaruh minat terhadap kerjaya yang diimpikan pada masa hadapan dan

memilih bidang pengajian yang bersesuaian.

"Keadaan semasa dan ekonomi dunia memerlukan bakal pekerja yang kompetitif serta mempunyai pelbagai kemahiran yang diperolehi secara formal dan tidak formal.

Justeru itu, jangan lepaskan peluang, jom meriahkan karnival yang bermula seawal pukul 9 pagi ini," ujarnya yang turut menjelaskan Yaysan Digital Malaysia juga terlibat dalam menjayakan karnival tersebut. **W.K**



PENGANJURAN karnival haluan kerjaya penting untuk pelajar mmilih kursus yang tepat di IPT. - Gambar hiasan

## Laluan lebih mencabar, lokasi menarik

**RATA-RATA** peserta yang mengambil bahagian dalam Program Putrajaya 10 Miles yang berlangsung di Dataran Putra, Putrajaya minggu lalu mengakui ia menarik dan berbeza dengan program larian biasa.

Menurut juara pertandingan kategori lelaki terbuka, **Ahmad Luth Hamizan**, 30, dia berpuas hati apabila berjaya menamatkan larian sejauh 10 miles (16 kilometer) selama 56 minit 33 saat biarpun laluan mencabar.

"Perbadanan Putrajaya (PPJ) menggunakan laluan baharu yang lebih mencabar serta terdapat pelbagai ketinggian. Banyak lokasi berbukit, namun tidak mematahkan semangat saya untuk bersaing dengan peserta dalam dan luar negara.

"Sebagai contoh, peserta perlu mendaki ke Putrajaya International Convention Centre (PICC) serta meningkatkan kelajuan larian dengan masa yang telah ditetapkan," ujarnya yang pernah menyertai pelbagai program larian.



AHMAD LUTH



SURESH

sejak 2008 antaranya Putrajaya Half Marathon.

Dalam masa yang sama, Ahmad Luth berharap program seperti ini diteruskan di samping mengekalkan laluan lokasi yang sama pada masa akan datang.

"Selain lokasi, saya berpendapat hadiah yang ditawarkan perlu ditingkatkan supaya lebih ramai yang bersemangat untuk turut serta," ujar bekas atlet jarak jauh negara ini.

Manakala bagi juara kategori lelaki veteran pula, **Suresh A/L Muniandy**, 45, berkata

penyertaannya hanyalah mengisi aktiviti pada masa lapang sahaja.

Apa yang menarik perhatiannya, bukan hanya pemenang tempat pertama hingga tempat kelima sahaja yang membawa pulang ganjaran wang tunai berserta trofi tetapi mereka yang berjaya menghabiskan larian juga turut menerima medal dan sijil penyertaan program sebagai kenang-kenangan.

Terdahulu, seramai 1,025 peserta mengambil bahagian dalam Program Putrajaya 10 Miles yang menyaksikan 20 peserta lelaki dan 20 peserta wanita dipilih sebagai pemenang dalam empat kategori sekali gus membawa pulang hadiah berbentuk wang tunai. **W.K**



PESERTA bersemangat memulakan larian tepat pukul 8 malam.

## TIP PENCEGAHAN JENAYAH KE ARAH BANDAR SELAMAT PUTRAJAYA

- Pastikan kebersihan persekitaran rumah agar tidak ditumbuhinya larang dan semak-semum yang boleh dijadikan tempat semburu pencroboh.
- Kunci pintu & tingkap apabila meninggalkan rumah walaupun untuk masa yang singkat.
- Buka lampu di kawasan luar dan dalam rumah pada waktu malam.
- Tukar mangga atau kunci rumah yang baharu jika kehilangan anak kunci.
- Hentikan langgan surat kabar apabila tiada di rumah untuk beberapa hari.
- Jangan tinggalkan nota menunjukkan anda tiada di rumah.
- Jangan sembunyikan kunci rumah di dalam pasu ataupun dalam rak kasut di luar rumah.
- Elekkan dari memberi kunci rumah kepada kontraktor.
- Wujudkan suasana rumah berpenghuni seperti radio dan lampu terpasang waktu malam.



- Jika anda bercuti panjang bersama keluarga ke luar kawasan sila tinggalkan nombor talian di bali polis berhampiran.
- Pastikan sekitar kawasan pagar rumah tidak mempunyai pokok yang boleh digunakan oleh pencroboh untuk memasuki rumah dengan mudah.
- Gerakkan kelab rumah tetangga dan rondaan berkala dengan Persatuan Komuniti dan KRT di kawasan anda dan dapatkan khidmat naibat keselamatan dari PDRM.

Pesan ini dibawakan oleh PERBADANAN PUTRAJAYA

[putrajaya](#) [putrajayacorp](#) [perbadananputrajaya](#) [perbadananputrajaya](#)

TENGKU ZAFROL  
TENGKU ABDUL AZIZ

**P**ULUHAN ribu rakyat hadir di Dataran Merdeka semasa perarakan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia di Melaka tahun ini. Kibaran Jalur Gemilang dan senyuman gembira di wajah Keluarga Malaysia jelas menggambarkan semangat cintakan tanah air.

Pada saat itu, terlintas di fikiran bahawa kita bukan sekadar meraikan 65 tahun kemerdekaan negara atau 59 tahun pembentukan Malaysia, tetapi juga usaha sama serta kegigihan senegara dalam mengharungi pandemik COVID-19 melanda dunia dan Malaysia.

Dalam tempoh Merdeka-Hari Malaysia ini, ramai rakan dan ahli keluarga saya merenung kembali bagaimana kita berada di ambang krisis kesihatan awam dan ekonomi, kemudian berjaya memasuki fasa endemik.

Kesemua pencapaian ini bukan satu kebetulan, tetapi hasil perancangan teliti dan keberanian untuk bertindak berdasarkan pendekatan bukan konvensional.

Masih jelas di ingatan saya semasa COVID-19 mula-mula melanda, dengan kadar kematian dan jangkitan mengerikan serta ekonomi terus merosot. Pada saat itu, saya baru sahaja mula bertugas di Kementerian Kewangan (MOF).

Perasaan ketika itu umpama dihumban ke jurang dalam, kerana bencana dahsyat tidak pernah berlaku ini mula mencengkam kehidupan dan kita tiada pengalaman masa lalu untuk dirujuk.

Memang gementar dan bimbang apabila beratus ribu rakyat hilang pekerjaan dan banyak syarikat terpaksa ditutup. Sebagai Menteri Kewangan, saya berhadapan dengan sebuah tragedi seolah-olah tiada kesudahannya.

Kisah seorang ayah yang tidak dapat menyediakan sesuap nasi

# Saat getir MOF harungi pandemik COVID-19

**“Masih jelas di ingatan saya semasa COVID-19 mula-mula melanda, dengan kadar kematian dan jangkitan mengerikan serta ekonomi terus merosot. Pada saat itu, saya baru sahaja mula bertugas di Kementerian Kewangan (MOF).”**

untuk isteri dan anak-anaknya; atau seorang dua ibu tunggal yang putus asa dek tekanan pandemik sehingga terdorong untuk mengakhiri nyawa sendiri menjadi kisah menyayat hati membuatkan saya sering tidak boleh tidur malam.

Namun, kita juga biasa mendengar kisah-kisah keazaman rakyat meneruskan kehidupan, seperti juruterbang menjadi pembekal makanan; eksekutif korporat tidak lagi bertali leher dan sut kerana terpaksa menjalankan kerja manual.

## TERLALU OPTIMIS SANGGUP TERAJUI MOF

HARI-HARI saya bergelut dengan hati nurani: Adakah saya terlalu optimis apabila menerima tawaran untuk menerajui MOF pada waktu itu? Setiap saat, setiap hari kita mencari jalan untuk menopang ekonomi negara daripada terus merosot.

Dalam dua minggu selepas saya menyertai MOF, kami melancarkan pakej bantuan bagi menyokong ekonomi dan memberi ‘talian hayat’ kepada mereka hilang pekerjaan atau perniagaan susut pendapatan.

Dalam tempoh dua tahun seterusnya, lapan pakej seumpama itu dilancarkan dengan nilai keseluruhan RM530 bilion, satu nilai begitu besar. Saya juga membentangkan dua Belanjawan Negara tertinggi dalam sejarah, iaitu RM322.5 bilion bagi 2021 dan RM332.1 bilion (2022).

Apabila bekalan vaksin

COVID-19 mula wujud, kerajaan bertindak pantas memvaksinasi semua rakyat. *Alhamdulillah*, dengan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) efisien, kita mula nampak sinar harapan.

Walaupun kita kehilangan lebih 36,000 rakyat akibat virus ini, petugas barisan hadapan kesihatan dan keselamatan wajar diiktiraf. Bakti dan pengorbanan mereka tidak ternilai – terutama petugas yang tumpas semasa perang sengit dengan virus COVID-19.

Namun, jika diimbas semula, petugas barisan hadapan wujud dalam pelbagai bentuk. Kita sudah biasa melihat mereka dilengkapi peralatan pelindung diri, stetoskop dan picagari.

Hakikatnya, terdapat ramai petugas barisan hadapan ekonomi dan media atau komunikasi di belakang tabir berhempas-pulas menganalisis data atau melaporkan berita secara bertanggungjawab dalam usaha untuk memulihkan negara.

Mereka juga menyumbang tanpa mengenal erti penat dan lelah sepanjang pandemik. Dasar ekonomi dan komunikasi kerajaan responsif berjaya menaikkan semangat rakyat Malaysia untuk terus bertahan dan kembali. Mereka terdiri daripada rakan sekerja saya di MOF dan kementerian lain serta badan media dan pelbagai agensi kerajaan. Merekalah yang memastikan ekonomi kekal stabil dan maklumat terkini disampaikan secara adil dan telus.

Buku saya yang dilancarkan

baru-baru ini, ‘Weathering the Economic Storm: A Journey through the Uncharted Waters of COVID-19’ mengisahkan saat-saat getir pandemik kita harungi serta pelbagai platform untuk berkongsi dasar MOF dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menyampaikan maklumat terkini mengenai pemulihan kesihatan awam dan ekonomi.

Kita bergelut dengan isu seperti sekuriti makanan, pemulihan rantai bekalan terjejas, keperluan operasi berterusan sektor pembuatan, pembongkaran dan penjelasan berita palsu serta macam-macam lagi.

Buku saya menjadi pengiktirafan kepada usaha dan dedikasi buat mereka ini yang juga berjasa demi kesejahteraan negara.

Kita mungkin jatuh, tetapi tidak tersungkur; semangat patah kini kembali utuh. *Alhamdulillah*, ekonomi negara berkembang ekoran langkah awal seperti subsidi upah bernilai RM21 bilion dan usaha penciptaan pekerjaan untuk rakyat.

Hasilnya adalah pemulihan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tiga suku ekonomi berturut-turut iaitu 3.6 peratus (S4 2021); 5.0 peratus (S1 2022) dan 8.9 peratus (S2 2022). Kadar pengangguran pada Julai 2022 pula adalah sebanyak 3.7 peratus, satu penurunan ketara berbanding 5.3 peratus pada Mei 2020.

Ini semua membuktikan dengan kepemimpinan rasional berdasarkan langkah responsif dan komunikasi/pelaporan bertanggungjawab serta telus, bahtera ekonomi negara mampu distabilkan semula ke arah perairan lebih tenang untuk kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Kini sudah masuk 30 bulan saya di MOF. Saya berasa sedikit lega dan amat bersyukur kerana berpeluang

menerajui MOF sejak Mac 2020, untuk sama-sama berjuang sebagai ‘askar’ yang berjaya membendung pandemik ini.

## BANYAK KISAH RAKYAT DIKETAHUI

SEMANGAT kerjasama rakyat kita sebenarnya amat kuat dan sekiranya kita bersatu berganding bahu, nescaya Malaysia mampu maju dan mara ke hadapan.

Sejak ekonomi mula dibuka semula perlahan-lahan sehingga dibuka sepenuhnya, saya berjumpa dengan ramai peniaga kecil dan besar. Dari mak cik penjual songkok di Kampung Baru, hingga ke Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mempunyai pasaran di ASEAN.

Rata-rata mereka melahirkan rasa bersyukur dapat berniaga semula. Banyak lagi cerita sebegini dikongsi dengan saya.

Ini mencetuskan satu kesedaran bahawa ada pelbagai kisah rakyat di luar sana yang tidak saya ketahui semasa dalam dunia korporat. Rutin harian saya kini amat berbeza dan terlalu sibuk berbanding dahulu, namun nilai perasaan puas dengan peluang berkhidmat untuk rakyat, tidak dapat saya gambarkan sepenuhnya.

Pada pendapat saya, ‘Keluarga Malaysia’ bukanlah sekadar sebuah slogan; ia kesinambungan perjuangan nenek moyang kita yang bertungkus lumus mengasaskan negara aman dan progresif.

*Insyah-Allah* hidup akan lebih bermakna sekiranya kita semua memainkan peranan masing-masing dalam merealisasikan visi ini, demi tanah air kita yang tercinta.

**PENULIS merupakan Menteri Kewangan Malaysia.**

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE  
RM7,500



HALF PAGE  
RM5,500



QUARTER PAGE  
RM4,500



PANEL PAGE [INNER]  
RM4,500

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER  
1080px X 96px  
RM2,500

MIDDLE BANNER  
1080px X 280px  
RM2,000

MEDIUM RECTANGULAR  
350px X 280px  
RM1,500

HALF PAGE  
350px X 500px  
RM1,000

## wilayah Ku

**50,000** naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

## BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**016-658 6278 (ROSLEE HANIFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:

**YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)**  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

# KARNIVAL

PENDIDIKAN DAN HALUAN KERJAYA

## PUTRAJAYA 2022

- Lebih dari 30+ Booth Pameran Pengajian Tinggi
- Bual Bicara : Penajaan dan Pinjaman Pendidikan
- Ujian Kenali Potensi Diri
- Motivasi Diri dan Haluan Kerjaya
- Permohonan Kemasukan ke IPTA /IPTS
- Greet and Meet Selebriti / Influencer Pilihan

Ibubapa di **GALAKKAN HADIR**



BERSEMPENA  
**KARNIVAL PUTRAJAYA 2022**



e-Sijil Penyertaan turut disediakan



Orang ramai dijemput **HADIR!**  
Masuk adalah **PERCUMA**

Sila imbas Kod QR bagi tujuan pendaftaran dan e-Sijil Penyertaan

**23 - 25 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT-AHAD)**  
**AUDITORIUM CEMPAKA SARI, PUTRAJAYA**  
**BERMULA 9.00 PAGI - 8.00 MALAM**



+60 11-7542 5670 (Puan Anna)



Karnival Pendidikan dan Haluan Kerjaya Putrajaya 2022

# Penglibatan belia mampu kukuhkan perpaduan Keluarga Malaysia - Shahidan



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**P**ENGLIBATAN dan sumbangan belia diperlukan dalam memperkuatkan perpaduan di kalangan Keluarga Malaysia," kata Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Beliau berkata kerajaan tidak pernah lupa untuk mengiktiraf usaha, sumbangan dan pencapaian seluruh warga belia dalam negara termasuklah di Labuan.

"Pelbagai inisiatif khusus untuk membantu golongan belia diperkenalkan kerajaan, antaranya bantuan kewangan dan program keusahawanan.

"Ayuh belia Keluarga Malaysia, rebutlah dan manfaatkanlah semua peluang, ruang dan inisiatif yang ditawarkan ini bagi membangunkan



SHAHIDAN (tengah) merasmikan Sambutan Hari Belia dan Anugerah Belia Perdana 2022 peringkat Labuan.

kebolehan, sekali gus memajukan diri," ucapnya ketika merasmikan Sambutan Hari Belia Negara dan Majlis Penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan pada Ahad lalu.

Hadir sama, Pengurus Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun.



SHAHIDAN (tiga kiri) menyampaikan Anugerah Belia Perdana Negara 2022 kepada Nazera Roslan (lima kanan).

Pada majlis sama, Shahidan turut menyampaikan bantuan pentadbiran daripada kementeriannya sebanyak RM20,000 kepada Majlis Belia Labuan.

Anugerah Belia Perdana Negara 2022 kategori individu lela-

ki dimenangi oleh Mohammadthir Malik dan kategori wanita dimenangi Nazera Roslan.

Manakala, bagi kategori pertubuhan belia dimenangi oleh Pertubuhan Belia Beliananis Bukit Kuda (P-B-B-B-K). WK



BASHIR (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada rakan strategik JaPen iaitu wakil Labuan Shipyard & Engineering (LSE).

## Jangan terpengaruh persepsi negatif kestabilan negara

SEMUA pihak diseru agar tidak terpengaruh dengan pelbagai andaian negatif yang tidak mempunyai asas terhadap ekonomi serta kestabilan negara, kata Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Bashir Alias.

Beliau berkata pelbagai petunjuk positif yang jelas memperlihatkan negara tidak berada dalam krisis ekonomi seperti mana yang dianggap negatif oleh pihak tertentu.

"Nilai ringgit telah meningkat berbanding dengan beberapa rakan dagang Malaysia dan mata wang lain.

"Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berkembang bagi tiga suku tahun berturut-turut bermula pada suku keempat 2021 sebanyak 3.6 peratus, suku pertama 2022 (5.0 peratus) dan suku kedua 2022 (8.9 peratus)," katanya pada Majlis Apresiasi@Merdeka yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia

(JaPen) Labuan, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah JaPen Labuan, Ab Rasil Hajatil.

Bashir yang juga merangkap Pengurus Perbadanan Labuan berkata semua pihak jangan terperangkap apatah lagi turut menyebarkan maklumat yang tidak sah mengenai situasi ekonomi negara.

Persepsi negatif yang cuba disebarluaskan oleh pihak tertentu bukan sahaja tidak bertanggungjawab malah membawa kesan buruk yang begitu besar kepada negara.

"Ianya bukan setakat mengelirukan pemikiran rakyat, malah boleh menjelaskan minat pelabur luar untuk masuk ke Malaysia.

"Ia turut merencatkan segala usaha pemulihan dari kerajaan yang sudah mula menunjukkan pelbagai petunjuk positif," katanya lagi. WK

## 22 hakim jayakan Perhimpunan Hakim Inovasi Antarabangsa di Labuan

PERSATUAN Penyelidikan, Inovasi, dan Kreativiti Labuan (Labuan Research, Innovation and Creativity Society – LaRIS) julung kalinya menganjurkan Perhimpunan Hakim Inovasi Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (National Assembly of International Innovation Judges) di Bilik Cemerlang, Wisma Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Program yang mendapat sokongan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan Perbadanan Labuan itu dihadiri seramai 22 hakim dari Labuan, Sabah, Sarawak, Perak dan Pahang.

Pengerusi LaRIS, Dr Hyginus Lester Junior Lee berkata pembentang dalam program ini disyaratkan mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai hakim dalam pertandingan inovasi peringkat antarabangsa.

Jelasnya, mereka perlu berkongsi pengalaman dan mengupas isu-isu dalam penilaian inovasi, antaranya nilai komersial, keberkesanannya, kos, reka cipta, inovasi dan kreativiti, efisiensi, kebolehlaksanaan dan keaslian produk.

Pembentangan terbaik telah dimenangi oleh Samih Kukung (Hadiah Emas), Hyginus Lester (Hadiah Perak) dan Richeal Phil Thien Kim How (Hadiah Gangsa) manakala Hadiah People's Choice untuk pembentangan popular dirangkul oleh Richeal Phil Thien How.

Pengerusi LaRIS, Dr


Hyginus Lester Junior Lee yang juga Pegawai School Improvement Specialist Coach (SISC+) menyatakan bahawa program tersebut menghimpulkan inovasi dari seluruh negara untuk berkongsi pengalaman dan keparisan dalam penilaian inovasi peringkat antarabangsa, membincangkan isu dalam penilaian reka bentuk dan ciptaan produk, mengesyorkan prinsip inovasi yang berkualiti, dan mempromosi penghasilan inovasi yang efisien dan lestari.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan Perbadanan Labuan kerana menyokong program tersebut. WK



AMIAH (tengah) menyampaikan Sijil Pembentangan Terbaik Dan Pembentangan Popular kepada Richeal Phil Thien sambil diperhatikan Dr Hyginus.

## PERADUAN MEWARNA PM183



NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKID: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

## CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM183".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **1 OKTOBER 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 185.

**3** PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



## KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 181

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM181:


**SYAZWANI HAZIRA HAZWAN**  
(10 tahun)  
Bandar Baru Bangi, Selangor

**MUHAMMAD RAYYAN ABDUL GHANI**  
(9 tahun)  
Setiawangsa, Kuala Lumpur

**NUR AMIRA DAMIYA SOLEHIN**  
(12 tahun)  
Beranang, Selangor



## TEKA SILANG KATA SK183



## MELINTANG

1. Ilmu pengetahuan
8. Gelaran untuk dewa/raja
9. Angin kencang
10. Perbualan
13. Orang/benda yang tidak disebut namanya
14. Perintah/peraturan
15. Khas/lain daripada yang lain

## KE BAWAH

1. Untuk memusnahkan bakteria
2. Sisa pembakaran
3. Penjelasan/takrif
4. Huruf ketujuh abjad Yunani
5. Kata tanya
6. Awalan nama seorang jurutera
7. Sejenis burung
10. Pelawak sarkas
11. Ukuran panjang
12. Pondok di atas pokok

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

## CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK183".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **1 OKTOBER 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 185.

**3** PENYERTAAN PALING TEPAT DAN  
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.  
E-melkan kepada:  
[wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK81:

**NUR FATIN MD ISA**  
(30 tahun)  
Presint 17, Putrajaya

**MOHD NAZWIRA MOHD NORDIN**  
(46 tahun)  
Tanjong Karang, Selangor

**IQBAL NAJMUDDIN ABDULLAH**  
(33 tahun)  
Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur

# Dari jurutera ke penggubah bunga



HAZIRAH HALIM

**B**ERMULA hanya sekadar untuk membantu keluarga mengubah dulang hantaran buat perkahwinan adik-beradik, siapa sangka ia menimbulkan minat untuk menceburinya ke bidang industri kreatif sekali gus menjadikannya sumber pendapatan utama.

Menariknya, perniagaan yang bermula di rumah pada tahun 2014 ini membolehkan Siti Nurarzilah Sheikh Arziman membuka kedai Flowerlab yang terletak di Saujana Utama 3, Sungai Buloh, Selangor.

Paling membanggakan, dia tidak membuat sebarang pinjaman wang sebaliknya hanya menggunakan wang simpanan yang dikumpul sewaktu mengambil tempahan membuat



NURARZILAH mahu perniagaannya ini mendapat sambutan mengalakkannya daripada orang ramai dan berharap akan membuka cawangan di tempat lain suatu hari nanti.

hantaran dan jurusolek perkahwinan.

"Selepas berhenti kerja, saya mula membuat hantaran dan menjadi jurusolek pengantin. Dari situ, saya mula mendapat tempahan untuk membuat *surprise bouquet* hari jadi dan tak sangka mendapat sambutan mengalakkannya," ujarnya yang mengakui hanya menggunakan internet dan majalah untuk mencari idea.

Mengakui tidak terlepas dengan pelbagai cabaran, antara yang sering menghantunya adalah sukar untuk mendapatkan bekalan bunga selain ia tidak tahan lama kerana cepat layu.

"Faktor cuaca di Malaysia yang agak panas menyebabkan bunga mudah bertukar menjadi hitam.

Bukan itu sahaja, saya juga sering berhadapan dengan situasi tempahan belon seperti *Hot Air Balloon* atau *Helium Balloon* kecut apabila sampai ke rumah pelanggan.

"Kalau nak tahu belon tersebut tidak boleh terkena pendingin hawa

yang terlalu sejuk. Namun, jika ia terjadi, saya akan menggantikannya dengan yang baharu," katanya ketika ditemu ramah Wilayahku di kedainya pada Selasa.

Bercerita lanjut tentang cabaran terbesar adalah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana ketika itu kedai terpaksa ditutup untuk beberapa ketika.

"Pada mulanya saya susah hati sangat dan rasa *down* tetapi tetap juga teruskan jualan secara atas talian. Walaupun semua orang berkurung di rumah namun mereka masih boleh menyambut hari lahir atau ulang tahun perkahwinan.

"Tak sangka pula rezeki mencurah-curah yang mana kami mendapat sebanyak 30 hingga 40 tempahan *surprise bouquet* dalam sehari," ujar bekas jurutera di sebuah syarikat swasta satu ketika dahulu.

## SURPRISE BOUQUET SERENDAH RM55

Tidak dinafikan, jika menerima gubahan bunga dan coklat sempena hari lahir atau tarikh penting dalam hidup, pasti seseorang itu akan gembira dan tersenyum sepanjang hari. Lebih-lebih lagi jika ia diterima daripada



NURARZILAH (tengah) bersama dua pekerja yang sentiasa membantu proses penghasilan tempahan *Surprise Bouquet* di Flowerlab di Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor.

insan tersayang.

Bagi memastikan semua orang mampu membeli gubahan yang disediakan seterusnya memberi kejutan kepada yang tersayang, Siti Nurarzilah mengenakan harga yang berpatutan dan mampu milik bermula RM55 hingga RM300.

"Kita mempunyai lebih 20 rekaan antaranya *bloombox and basket*, *hot air and balloons*, *indoor plant gifts*, *bouquet* selain turut disajikan dengan pakej kek, aiskrim dan sebagainya. Sementara bundle pakej pula mempunyai 20 rekaan menarik sama ada pelanggan mahu memilih *cupcakes*, *creampuff*, *brownies* dan sebagainya," ujarnya.

Katanya lagi, antara *bouquet* yang menjadi pilihan pelanggan adalah *flower bouquet* dan *chocolate bouquet* yang mana selain hari lahir dan ulang tahun perkahwinan ia sering menjadi pilihan ketika konvolesyen.

"Kita juga ada menawarkan *bloombox*, *fruit basket* dan *surprise box* selain turut mempunyai hiasan bunga dalam iaitu *indoor plant gifts* berharga RM55," kata ibu kepada dua orang anak ini.

Antara rekaan terbaru yang dihasilkan adalah *bouquet Tudung Fazura* yang baru sahaja

dilancarkan pada awal bulan Ogos lalu dan ia sangat terhad kerana bergantung kepada stok keluaran tudung tersebut.

Selain itu, Flowerlab turut menawarkan pakej gubahan hantaran bermula lima dulang dengan harga RM60 sedulang. Pelanggan hanya perlu membawa barang hantaran serta memberitahu tema warna yang diingini.

## Flowerlab

### Alamat:

15-G, Jalan Bidara 8, Saujana Utama 3, Sungai Buloh, 47000 Selangor

### Waktu operasi:

10.30 pagi hingga 9.30 malam (Isnin hingga Jumaat)

10.30 pagi hingga 7.30 malam (Sabtu dan Ahad)

### Telefon:

012-347 4745 (Nurarzilah)

### Instagram:

@flowerlab.hq

### Facebook:

@Flowerlab HQ

### Laman web:

<https://flowerlab.my>



# Tiada lubuk emas, semua acara berpotensi

**K**ETUA Kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers), **Datuk Seri Rosida Jaafar** memuji kesungguhan yang ditunjukkan oleh atlet WiPers terutama atlet baharu sepanjang berlangsungnya Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022.

"Mereka (atlet) menunjukkan disiplin yang bagus serta menampilkan aksi yang terbaik dan diharapkan semangat seperti ini dapat diteruskan hingga ke penghujung kejohanan yang tinggal hanya beberapa hari sahaja lagi."

"Sepertimana saya juga selalu berpesan kepada atlet, setiap daripada mereka perlu sentiasa berjuang habis-habisan dan bersemangat kerana semua

orang berpotensi untuk menyumbangkan pingat.

"Terus berjuang. Jangan gentar kerana kita ada banyak lagi acara yang kita boleh menang. Tiada lubuk emas bagi mana-mana acara kerana semuanya berpotensi," ujar beliau ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Rosida turut melahirkan rasa gembira dan bersyukur apabila atlet baharu dan bukan datang dari atlet prospek WiPers namun mereka turut berjaya menyumbangkan pingat kepada kontinjen.

"Sebagai contoh, emas pertama WiPers berjaya dirangkul menerusi acara olahraga 5,000 meter lumba jalan kaki wanita menerusi atlet Kok Hui Ying. Ia satu yang hebat lebih-lebih lagi

ini merupakan kali pertama penglibatannya di pentas SUKMA," ujar beliau.

Terdahulu, Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 membuka tirai secara rasminya pada Sabtu lalu dengan sambutan penuh kemeriahan dalam Majlis Perasmian Pembukaan Sukan Malaysia XX MSN 2022 yang berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ia membabitkan sebanyak 426 acara iaitu 223 acara lelaki, 184 wanita dan 19 campuran daripada 31 jenis sukan dipertandingkan dengan penyertaan 6,625 atlet dan 2,709 pegawai membabitkan 15 kontinjen negeri termasuk Brunei. WK



ROSIDA (tengah, depan) bersama barisan atlet olahraga WiPers yang berjaya menyumbangkan pingat emas dan gangsa ketika sesi penyampaian pingat di Stadium Nasional Bukit Jalil, minggu lalu.



## Khairul Naim tampil cemerlang, tebus kegagalan ke SUKMA 2014

PERNAH mewakili kontinjen negara dalam Sukan SEA yang diadakan di Hanoi pada Mei lalu menjadikannya salah seorang atlet prospek pingat emas pada temasya SUKMA XX MSN 2022 kali ini.

**Khairul Naim Zainal** yang juga merupakan atlet kanu Wilayah Persekutuan berjaya menyumbangkan dua pingat emas, dua perak dan satu gangsa buat kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) dalam acara K1 200 meter (m), K2 200m, K4 200m, K1 500m, K2 500m, K4 500m, K1 1,000m dan K4 1,000m.

Pertama kali menyertai SUKMA setelah menarik diri pada edisi 2014 yang lalu kerana perkara yang tidak dapat dielakkan, Khairul ber-

kata, SUKMA XX merupakan satu detik yang sangat ditunggu olehnya.

"Jadi, pada kali ini, saya memang tekad untuk lakukan sebaik baik seterusnya menghadiahkan pingat buat kontinjen WiPers," ujar atlet yang berusia 22 tahun ini kepada *Wilayahku*.

Bercerita lanjut tentang perjalannya dalam SUKMA kali ini, Khairul berkata dirinya berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi meskipun sedikit tersasar.

"Pada hari kedua acara kanu ( Isnin), saya berjaya menyumbangkan dua emas dan satu gangsa. Ketika itu, saya sangat berpuas hati memandangkan dapat menebus semula apa yang berlaku pada Ahad lalu.

"Perlwanan sangat sengit di antara negeri Wilayah Persekutuan, Johor dan Terengganu. Setiap negeri menampilkan semangat juang yang luar biasa, dan saya percaya rakan-rakan pasukan yang lain juga sudah lakukannya yang terbaik" katanya.

Berkongsi berkenaan perancangan seterusnya, Khairul berkata pasukannya akan berehat selama dua minggu sebelum menyertai pertandingan KBS 500m yang akan diadakan di tempat yang sama iaitu Kompleks Sukan Air, Presint 6, Putrajaya.

"Saya juga berharap dapat menempa kejayaan lagi dan seterusnya berjaya mengharumkan nama negara pada masa akan datang," ujarnya lagi. WK

## Skuasy: Wilayah Persekutuan tamatkan dominasi Kedah

**ATLET** skuasy kebangsaan **Chan Yiwen**, 23, berjaya menamatkan dominasi Kedah selama lapan tahun acara perseorangan wanita apabila berjaya merebut kejuraaan pada Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022.

Kejayaan atlet Wilayah Persekutuan (WiPers) itu lebih bermakna apabila beliau berjaya menebus kekalahannya menundukkan Aira Azman selepas pernah tewas pada kakaknya, Aifa Azman di SUKMA Perak 2018.

Perlwanan yang berlangsung di Pusat Skuasy, Jalan Duta itu menyaksikan Yiwen menewaskan Aifa 11-3, 8-11, 3-11, 11-5, 11-4 pada perlwanan sengit sebelum muncul juara acara terbabit.

Yiwen yang merupakan pemain pilihan kedua perlwanan berkata dia berpuas hati mampu menyumbang emas buat kontinjen WiPers.

"Pada set kedua saya dah mula hi-

lang kawalan sebab saya memang rasa tak sihat, tapi bila saya bercakap dengan skuad saya yang lain, mereka memberi semangat dan saya bangkit pada set keempat dan kelima.

"Semua finalis adalah dari Kedah, dan saya rasa ini merupakan peluang terbaik saya untuk curi pingat emas buat WiPers dan saya berjaya lakukannya," katanya kepada pemerita selepas perlwanan.

Yiwen berkata kemenangan yang diraih turut menjadi pembakar semangat buatnya untuk memburu emas berkumpulan bagi Kejohanan Berpasukan Asia 2022 di Korea bulan depan.

Kedah mendominasi acara perseorangan wanita bermula SUKMA Perlis 2014 serta SUKMA Sarawak 2016 menerusi S. Sivasangari, seterusnya atletnya Aifa meraih kejuraaan pada SUKMA Perak 2018.

- BERNAMA



YIWEN (kanan) berjaya menggenggam emas selepas menewaskan Aifa Azman tewas 2-3 pada final SUKMA XX MSN 2022 di Pusat Skuasy Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Pahat memori indah pada penampilan terakhir SUKMA

# 'Wonder Winnie' sumbang tiga emas

SABRINA SABRE

**D**IGELAR 'Wonder Woman' apabila berjaya membuat pecutan pada 50 meter (m) terakhir dalam acara 4x400m meninggalkan Sabah di belakang dalam SUKMA XX MSN 2022, Ahad lalu, Eng May Xin Winnie, 23, mengakui masih tidak mempercayai kebolehannya itu.



"Saya sangat bangga, terharu dan masih tidak percaya kerana mampu merangkul tiga pingat emas pada hari yang sama. Namun, saya puas kerana berjaya menyumbang pingat buat kontinen Wilayah Persekutuan (WiPers)."

"Ini merupakan penampilan keempat dan terakhir saya dalam SUKMA selepas menamatkan saingan dengan meraih pingat emas pada edisi 2018 di Perak. Tahun ini, saya kembali beraksi dan bersyukur kerana berjaya mem-

pertahankannya," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Kongsinya, bukan mudah untuk menyesuaikan diri dalam masa yang singkat dari padang ke acara trek tetapi dia tekad melakukannya sehabis baik meskipun jadual sehariannya begitu padat.

"Tempoh persediaan untuk mengharungi temasya ini agak terhad tetapi saya tetap mementingkan latihan secara konsisten setiap hari. Dengan latihan, kerja keras, usaha serta fokus, saya yakin semua orang boleh berjaya," katanya.

Pelajar jurusan Sarjana Muda Ekonomi di Universiti Putra Malaysia (UPM) ini mengakui dia sentiasa menetapkan sasaran untuk pergi lebih jauh lagi seterusnya layak ke Sukan Olimpik suatu hari nanti.

Menjadikan atlet trek dan padang British, Jessica Ennis sebagai idola, anak kelahiran Kuala Lumpur ini ingin menyumbang lebih banyak pingat emas dan mengharumkan nama negara pada masa hadapan.

## Pencapaian Winnie

2022 – KL Open – Emas

2022 – Kejohanan SUKIPT, UPSI – Tempat kedua

2022 – Kejohanan Sirkit IPT, Kuala Lumpur – Tempat kedua

2018 – SUKMA, Perak – Emas

2017 – Thailand Sport School Games – Emas

tulang belakang selama ini," ujar anak bongsu daripada tiga orang adik-beradik ini.

Terdahulu, Winnie berjaya mengungguli acara 100m lari berpagar, 4x400m dan heptalon sekali gus menyaksikan pertambahan pingat emas buat kontinen WiPers pada temasya SUKMA XX.

Dia menamatkan saingan di kedudukan pertama dengan catatan masa terbaik peribadi iaitu 14.55 saat dalam acara 100m lari berpagar dan heptalon dengan kutipan mata sebanyak 4,913. **WK**



AKSI Winnie ketika berjaya membuat pecutan pada 50m terakhir, Ahad lalu.

# Pasukan Sorak EightOne Putrajaya gamatkan stadium

DIANA AMIR

"GO WiPers go go go...! Kita menang".

Itu antara sorakan daripada pasukan sorak EightOne Putrajaya yang jelas kedengaran ketika saingan akhir peringkat Kumpulan A acara Bola Sepak SUKMA yang diadakan di Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, baru-baru ini.

Bunyi 'stick balloon' beserta sorakan dan pukulan gendang secara tidak langsung membantu menaikkan semangat atlet untuk menampilkan aksi terbaik bagi mengejar pingat yang diidamkan.

Ternyata aksi lincah pasukan sorak yang dilihamkan MasJlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) ini berjaya mencuri perhatian penyokong yang hadir pada perlawanan tersebut.

Menurut Pengurus Pasukan Sorak EightOne Putrajaya, Uje Hartini, meskipun tempoh latihan singkat namun kerjasama dari seluruh anggota membolehkan ia berjaya digerakkan.

"Pasukan ini ditubuhkan sejurus mendapat panggilan daripada pihak MSWP dua minggu lalu. Dalam tempoh itu, kita cari anggota, guru bimbingan sekali gus sempat berlatih sebanyak tiga kali sahaja," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya, pasukan sorak tersebut terdiri daripada 80 anggota secara keseluruhan yang dibahagi kepada dua kumpulan.



GELAGAT Pasukan Sorak EightOne Putrajaya ketika memberi sokongan kepada pasukan Wilayah Persekutuan di Stadium UKM, Bangi baru-baru ini.

"Kita terbahagi kepada dua kumpulan tim A dan tim B. Tugas kita sentiasa memberi semangat dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada atlet untuk meraih kemenangan. Kita percaya sorakan mampu membangkitkan perasaan berkobar-kobar dalam hati mereka," ujarnya.

Jelasnya, pemilihan pelajar adalah dalam kalangan pelajar tingkatan dua dan empat sahaja.

"Saya harap pasukan sorak ini tidak akan terhenti di SUKMA XX sahaja dan bantuan daripada pihak lain juga diperlukan bagi memantapkan lagi pasukan kecil ini."

"Semasa perlawanan bola sepak tempoh hari, kita dapat lihat kolaborasi yang menarik antara pasukan sorak dan juga Perbadanan Putrajaya (PPj) yang bermain gendang.

"Kita harapkan selepas ini sebuah pasukan sorak yang lebih mantap dapat ditubuhkan, akan tetapi pihak luar perlu membantu pihak sekolah kerana kekangan dari segi alatan," ujarnya.

Katanya, ini merupakan sebahagian daripada pembelajaran luar bilik darjah yang dapat membantu pelajar dari segi komunikasi.

## GAMBAR PILIHAN

### Hui Ying rangkul emas pertama buat WiPers

**BANGGA.** Biarpun bukan merupakan atlet prospek Wilayah Persekutuan (WiPers), namun atlet Kok Hui Ying berjaya menghajahkan emas pertama dalam acara 5,000 meter lumba jalan kaki wanita yang diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil, minggu lalu.

Menurut Hui Ying, penglibatannya buat pertama kali di pentas SUKMA ini amat bermakna apabila dirinya berjaya menyumbangkan pingat emas pertama buat kontinen WiPers.



HUI YING meraikan kemenangan merangkul emas pertama WiPers, minggu lalu.

"Semestinya saya sangat gembira apabila ini merupakan pingat emas pertama buat kontinen kami. Dengan kejayaan ini segala penat telah serta latihan yang dilakukan sebelum pertandingan amat berbaloi," ujarnya.

Terdahulu, Hui Ying berjaya mencatat masa 28 minit 45 saat sementara rakannya yang juga atlet Wilayah Persekutuan, Nurul Ashikin Hussin meraih gangsa dengan catatan masa 29 minit 50 saat dalam temasya SUKMA XX. **WK**



'Wonder  
Winnie'  
sumbang  
tiga emas  
►23

## SUKMA 2022: Adik-beradik rangkul emas muay thai



WARTAWAN dan JURUFOTO  
**DIANA AMIR &  
SYUQQREE DAIN**

**D**UA atlet muay thai Wilayah Persekutuan (WiPers) yang juga merupakan adik-beradik, Wassof Rumijam, 22 dan Insyad Rumijam, 16, mencuri perhatian apabila kedua-duanya berjaya merangkul pingat emas dalam kategori 48-51 kilogram (kg) dan 42-45 kg.

Berkongsi pengalaman kepada Wilayahku, pada Rabu, Wassof tidak menyangka mampu meraih emas kerana dia mengalami kecederaan ketika bertemu pihak lawan.

"Saya mengalami kecederaan di paha kanan dan kiri ketika peringkat suku akhir namun *alhamdulillah* saya mampu meneruskan saingan hingga ke peringkat akhir," ujarnya yang turut berterima kasih kepada abang sulungnya yang juga merupakan salah seorang jurulatih mereka berdua.

Sementara itu, menurut Insyad pula, dia bangga apabila dapat menyumbang pingat emas kepada kontinjen WiPers memandangkan ini adalah kali pertama dia ke pentas SUKMA.

"Penat lelah saya selama satu gangsa. WK"

ini terbayar sekali gus dapat membanggakan ibu dan bapa yang merupakan tulang belakang kejayaan ini.

"Ketika perlawanan saya hanya berfikir untuk menyelesaikannya secepat mungkin. Jadi saya betul fokus dan berjaya," ujarnya sejurus perlawan akhir yang diadakan di South City Plaza, Seri Kembangan.

Berita lanjut tentang pengalamannya, Insyad berkata, dia perlu menurunkan berat badan sebanyak tujuh kg dan perlu menimbang berat untuk memastikan tidak melebihi 45 kg setiap kali sebelum perlawan.

"Untuk jaga berat badan agak sukar. Saya perlu menjaga pemakanan selain turut menjalani latihan yang ketat.

"Hal ini juga yang sangat merisaukan saya. Bukan senang nakkekalkan berat tetapi untuk menambah berat memang mudah," kongsinya tentang cabaran yang perlu dilalui.

Walaupun begitu, atlet prospek emas WiPers ini tidak sedikit pun merasa terbeban malah lebih bersemangat untuk mencapai sasaran.

Terdahulu, sukan muay thai menutup tirai pada Rabu dengan pungutan lima pingat emas, tiga perak dan



WASSOF (kiri) dan adiknya, Insyad bersama pingat emas dalam peringkat akhir muay thai yang diadakan di South City Plaza, Seri Kembangan, pada Rabu.



WASSOF (kanan) berjaya menewaskan lawan dari Sabah dengan mata 3-0.



REAKSI teruja  
Winnie (kiri)  
sejurus berjaya  
memenangi  
acara 4x400  
meter wanita,  
Ahad lalu.

### CORAT-CORET

## Winnie cetus sensasi olahraga

**K**EJAYAAN atlet olahraga Wilayah Persekutuan, Eng May Xin Winnie yang menjadi pelari terakhir acara 4x400 meter (m) wanita sekali gus memastikan kemenangan pingat emas kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) berjaya mencipta sensasi orang ramai.

Perlumbaan yang berlangsung pada 18 September 2022 di Stadium Nasional Bukit Jalil itu menyaksikan pelari berumur 23 tahun itu berjaya memintas pelari dari Sabah

dengan larian penuh bertenaga pada 50m terakhir perlumbaan bagi memastikan pingat emas.

Tayangan video larian Winnie memperoleh tontonan sebanyak 542,058 tontonan di laman media sosial rasmi Facebook Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).

Kebanyakan komen yang ditulis turut memuji aksi hebat larian Winnie yang juga memenangi keseluruhan tiga pingat emas dalam tempoh satu hari yang sama.

Kejayaan itu sangat mengagumkan apa lagi Winnie terlebih dahulu menghabiskan dua disiplin dalam heptathlon untuk memenangi pingat emas disusuli pingat emas 100m lari berpagar di sebelah pagi.

Lebih mengagumkan apabila Winnie yang jelas sekali kelebihan selepas memenangi dua pingat emas di sebelah pagi mencipta sensasi larian 4x400m untuk memastikan pingat emas Wilayah Persekutuan di sebelah petang pula. WK

### Reaksi

“UNTUK SUKMA 2022 ini, saya akan buat sebaik mungkin dan membala segala jasa baik MSWP, jurulatih dan semua yang telah membantu saya dalam sukan ini.

"Sebagai salah seorang target utama penyumbang pingat emas, ia bukanlah cabaran besar kerana saya sudah bersedia sejak tahun 2019 lagi.

"Saingan utama adalah negeri Johor kerana ranking dalam pemilihan untuk mewakili kebangsaan tahun lepas menyaksikan hampir separuhnya diwakili Wilayah Persekutuan dan Johor."

**KHAIRUL NAIM ZAINAL, 20**  
Atlet Kanu WP



“SAYA perlu memberi perhatian sepenuhnya terutama dari segi latihan kecergasan dan kesihatan memandangkan ini adalah kali pertama saya menyertai SUKMA. Untuk acara kayak berpasukan, harapan saya agar kami dapat kekalkan konsisten ketika bertanding.”

**AFIF ANAS, 20**  
Atlet Kayak WP

“SAYA begitu bangga kerana diberi tanggungjawab untuk membawa bendera. Perasaan berkobar-kobar dan saya sudah pun bersedia untuk berentap. Memandangkan ini adalah SUKMA terakhir, sasaran saya adalah memperoleh empat pingat emas.”

**KHIEW HOE YEAN, 20**  
Atlet Renang WP